

ملاك هاري اين

Melaka, Johor meterai
perjanjian Empangan Asahan

MUKA 3



SMART A+

Teknik penulisan
karangan Bahasa
Melayu SPM



MUKA 15

NASKHAH PERCUMA

Edisi 27 | 7 Disember 2020 - 13 Disember 2020 | 21 Rabulakhir 1442H - 27 Rabulakhir 1442H | PP 19464/D4/2019/ (035072) | Sejak 1982 | www.melakahariini.my | Melakahariini



ANGKA TERKINI COVID-19
Dikemaskini setakat 27 November 2020, 12 pm

PULIH : 1,144

KES BAHRU : = 1,141

KES KEMATIAN : 0

KES KESELURUHAN : 70,236

BELANJAWAN MELAKA 2021

BAKAL BANTU RAKYAT



BELANJAWAN sulung Ketua Menteri dalam keadaan negara berdepan cabaran COVID-19 yang akan dibentangkan 9 Disember ini dijangka memberi impak yang benar-benar dirasai rakyat. Antara lain, ia dapat membantu menjana pendapatan selain merancakkan semula sektor ekonomi khususnya pelancongan.

● Berita penuh di muka 2



Melaka perkenal
teksi air tahun
hadapan

MUKA 8



MUSA
kekalkan
Zainal

MUKA 23

Polis tumpas
sindiket pelaburan
saham haram

MUKA 9



Demi denyut nadi rakyat



SULAIMAN ketika mengadakan sesi diskusi semakan Teks Ucapan Bajet Negeri Melaka bersama Zaidi (kiri) serta Dr. Sabri di Seri Bendahara pada 1 Disember lepas.

AYER KEROH - Pembentangan Belanjawan Melaka 2021 dilihat sebagai langkah permulaan buat Kerajaan Negeri Melaka sebagai usaha memulihkan semula ekonomi negeri selain memastikan ke-

bajikan rakyat akan terus dijaga dalam menghadapi situasi pandemik COVID-19.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali menerusi catatan di Facebook rasminya 1

Disember lalu berkongsi sesi perbincangannya bersama Pegawai Kewangan Negeri Melaka Datuk Zaidi Johari bagi menyemak Teks Ucapan Bajet Negeri Melaka sebelum dibentangkan 9 Disember ini.

“InsyaAllah bajet yang baik untuk rakyat dan ada penambahbaik Belanjawan Melaka 2021, malah pra belanjawan juga sudah dibentang dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebelum ini.”

Perbincangan itu yang turut melibatkan Penasihat Ekonomi dan Inovasi beliau, Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif, menurut Sulaiman amat penting bagi memastikan pembentangan Belanjawan Melaka 2021 benar-benar dirasai rakyat negeri Melaka,

“Ini sekali gus bagi memastikan kesannya antara lain dapat membantu pemulihan pendapatan, selain merancakkan semula sektor ekonomi yang terkesan akibat pandemik COVID-19,” kata-

Terdahulu sebelum ini, beliau telah memberi bayangan belanjawan negeri kali ini akan membawa berita baik buat rakyat Melaka.

Jelasnya, walaupun terkesan dengan pandemik COVID-19 yang melanda, namun beberapa penambahbaikan telah dilakukan untuk kesejahteraan rakyat.

“InsyaAllah bajet yang baik untuk rakyat dan ada penambahbaik Belanjawan Melaka 2021, malah pra belanjawan juga sudah dibentang dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebelum ini.

“Walaupun kita terkesan dengan COVID-19 bukan hanya Melaka tetapi mana-mana negeri juga terkesan akan pendapatan kewangan kerajaan, tetapi kita akan cuba buat sebaik yang mungkin,” katanya.

Dua permintaan untuk sektor pelancongan

Mohamad Fazrul Abdul Majid
Foto MR Azli

AYER KEROH - Belanjawan Negeri Melaka 2021 diharap dapat memberi fokus dan penekanan terhadap sektor pelancongan yang kini terjejas teruk angkara pandemik COVID-19.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, antara harapan yang disuarakan dalam Belanjawan Negeri yang akan dibentangkan 9 Disember nanti adalah membabitkan bantuan dua perkara dalam sektor pelancongan.

Jelasnya, dua perkara itu melibatkan bantuan terhadap produk pelancongan milik kerajaan negeri yang terkesan dan juga usaha pemuliharaan kawasan pelancongan.

“Yang pertama kita harap ialah kerajaan negeri dapat membantu produk pelancongan milik kerajaan

yang terjejas teruk seperti Menara Taming Sari dan Melaka River Cruise.

“Bantuan dari segi kewangan sangat penting untuk dua produk itu kerana ia terbukti antara produk yang mempunyai ‘track record’ menguntungkan. Kita percaya kalau produk-produk ini mendapat bantuan, ia sama sekali tidak akan merugikan kerajaan negeri.

“Yang kedua pula ialah usaha pemuliharaan. Kita tahu Melaka terkenal dengan aset pelancongan berdasarkan sejarah. Jadi, banyak yang perlu kita baiki pulih dan cat semula.

“Saya yakin sekiranya dua perkara ini mendapat perhatian sewajarnya dalam Belanjawan Negeri 2021, ia akan dapat mengembalikan keyakinan pelabur untuk melabur dalam industri pelancongan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan majlis penutup



MELAKA River Cruise merupakan antara produk pelancongan Melaka yang wajar diberikan perhatian.

Sesi Libat Urus Bersama Platform E-Dagang dan Persatuan-persatuan Pelancongan Negeri Melaka.

Hadir sama Pengarah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) Negeri

Melaka Yeow Chin Chai dan Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka Sa’ari Basiron.

Mengulas lanjut, Muhammad Jailani percaya usaha memulihkan semula sektor pelancongan negeri

ini merupakan antara agenda terpenting memandangkan pelancongan yang tergolong dalam sektor perkhidmatan merupakan antara penyumbang terbesar pendapatan negeri ini.

Relevan, menepati aspek kepentingan rakyat - Latipah

Faiz Hasan

TABOH NANING - Belanjawan Melaka 2021 dilihat akan terus relevan dan menjurus kepada kepentingan rakyat ketika seantero dunia menghadapi penularan pandemik COVID-19.

Pengerusi Jawatankuasa Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan, Datuk Wira Latipah Omar mengharapkan pembentangan belanjawan kali ini mampu menawan hati rakyat Melaka

dalam membina kesejahteraan pada pasca penularan COVID-19.

Katanya, pelbagai aspek yang menjurus kepada kebijakan rakyat termasuk pembangunan modal insan dititikberatkan meliputi semua faktor dalam belanjawan tersebut.

“Belanjawan yang akan dibentangkan nanti dilihat begitu relevan, seiring dengan aspek yang menjurus kepada kepentingan rakyat negeri ini.

“Bagaimanapun kita

mengharapkan masyarakat terutama golongan wanita perlu mempunyai penetapan diri sendiri agar mempunyai kemampuan bagi memperkasa peranan mereka.

“Pelbagai peluang telah diberikan kerajaan termasuk menyediakan modal dalam perniagaan namun hanya kemampuan mereka yang akan menentukan, semuanya atas diri sendiri jika ingin melepas dari garis kemiskinan itu,” katanya.

Dalam pada itu, menu-

rutnya bagi memanfaatkan peluang yang diberikan kerajaan, beliau menyeru agar golongan wanita di negeri ini perlu kreatif dalam mencabar bidang perniagaan terutama melibatkan platform atas talian.

Jelasnya, menerusi bidang yang mampu membawa nama wanita ke peringkat yang membanggakan, sistem pemasaran yang strategik penting bagi membangunkan perniagaan sendiri.

“Penghasilan produk

yang bermutu dan berkualiti termasuk pembungkusan yang menarik perlu dirangka dengan lebih efektif bagi memastikan ramai pelanggan yang yakin dengan produk yang dihasilkan.

“Selain itu, apa penampilan yang menarik perlu diberi penekanan supaya ramai pelanggan yakin dengan produk yang dihasilkan.

“Wanita perlu kreatif dan yakin agar mampu menjadi usahawan wanita yang lebih baik sekali gus mampu mem-



LATIPAH

bina masa depan keluarga dan diri sendiri dalam keadaan pandemik yang melanda ini,” katanya.

Melaka, Johor meterai perjanjian Empangan Asahan

3 DISEMBER 2020

KOTA ISKANDAR JOHOR



SULAIMAN (dua kanan) bertukar dokumen perjanjian antara Menteri Besar Johor Datuk Hasni Mohammad sambil disaksikan Setiausaha Kerajaan Melaka Datuk Seri Dr Hasim Hasan (kanan) dan Setiausaha Kerajaan Johor Datuk Azmi Rohani pada Majlis Menandatangani Perjanjian Empangan Asahan Di Antara Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Negeri Melaka di Kota Iskandar Johor pada 3 Disember lepas.

Faiz Hasan

AYER KEROH - Johor memberanikan Melaka menggunakan air di Empangan Asahan yang berpuncu dari Sungai Gemas secara percuma

selama 70 tahun menerusi perjanjian yang termeterai semalam.

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md. Ali berkata, menerusi Perjanjian Empangan Asahan antara kedua-dua

negeri itu, Melaka diberi kebenaran terbabit sehingga ia berakhir menjelang 2090.

"Melaka dibenarkan menggunakan air mentah di Sungai Gemas yang merupakan sumber utama

bagi takungan air di Empangan Asahan sebanyak mana yang diperlukan bagi menampung keperluan rakyat Melaka khususnya di kawasan Kampung Asahan, Simpang Bekoh dan sebahagian kawasan di Tangkak, Johor.

"Perjanjian bersejarah ini membuktikan hubungan yang sedia erat antara Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Negeri Melaka, sekali gus meningkatkan lagi ruang kerjasama dalam bidang ekonomi, pelaburan, pelancongan dan pendidikan pada masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi kenyataan dikeluarkan di Facebook rasminya hari ini selepas memeterai perjanjian itu bersama Menteri Besar Johor Datuk Hasni Mohammad di Kota Iskandar, Johor, pada 3 Disember lepas.

Sulaiman turut memberi penghargaan kepada setiap delegasi yang terlibat bagi melestarikan kepentingan penggunaan air di negeri ini demi kesejahteraan rakyat.

"Setinggi-tinggi terima kasih

kepada Menteri Besar Johor, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Datuk Azmi Rohani dan delegasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor yang sudi menerima kunjungan delegasi Melaka.

"Saya turut mengucapkan terima kasih di atas komitmen yang diberikan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor, Badan Kawal Selia Air (BKSA) Melaka dan Johor dalam usaha memuktamadkan penggunaan air melalui Perjanjian Empangan Asahan ini," katanya.

Empangan Asahan merupakan empangan yang telah dibina pada tahun 1928 dan siap sepenuhnya pada tahun 1930 oleh Kerajaan British.

Air di Empangan Asahan ini di proses dan di rawat di Loji Rawatan Air Asahan dengan kapasiti maksima 6.5 juta liter sehari oleh Syarikat Air Melaka Berhad (SAMBA).

Putrajaya beri kelulusan awal 161 projek di Melaka

PUTRAJAYA - Melaka menerima berita gembira apabila Putrajaya memberi kelulusan awal 161 buah projek kerajaan negeri termasuk 39 buah projek yang menjadi keutamaan negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, beliau amat berterima kasih kepada Kementerian Kewangan di atas penerimaan awal senarai kelulusan 161 buah projek itu bagi tempoh Rolling Plan Pertama (RP1) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

"Kerajaan negeri mengucapkan terima kasih di atas penerimaan awal sena-

rai kelulusan 161 buah projek kepada kerajaan negeri bagi tempoh RP1 RMK-12.

"Daripada jumlah ini, didapati 39 buah projek berkeutamaan negeri yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat," jelasnya menerusi kenyataan di Facebook (FB) rasminya 2 Disember lepas.

Terdahulu, beliau mengadakan pertemuan dengan, Tengku Zafrul bagi membincangkan situasi ekonomi Melaka. Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan serta barisan pegawai kerajaan negeri.

Mengulas lanjut, Su-

laiman turut menyentuh usaha kerajaan negeri kerajaan negeri mewujudkan zon ekonomi khas 'Melaka Waterfront Economic Zone' (M-WEZ) yang berkeluasan 6,070.28 hektar di sepanjang 22 kilometer pesisiran pantai Melaka.

"Cadangan pelan konsep pembangunan M-WEZ adalah seperti aktiviti berdasarkan pelabuhan dan perdagangan, hab logistik dan pejabat.

"Ia turut membabitkan perumahan, penginapan dan komersil, perhotelan, marina, pembangunan bercampur dan revolusi industri 4.0 serta zon bebas antarabangsa," tambahnya.



BARISAN Kerajaan Negeri Melaka yang diketuai Sulaiman bergambar dengan Tengku Zafrul.

Aduan rakyat indikator PBT

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Setiap Ahli Majlis dan semua Pihak Berkua Tempatan (PBT) disarankan agar sentiasa proaktif dari segi pemantauan bagi memastikan setiap permasalahan dapat dikesan oleh PBT dahulu sebelum ianya ditegur oleh rakyat.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata usaha atau kaedah pemantauan perlu ditingkatkan supaya perkhidmatan diberi kepada rakyat benar-benar berkesan.

"Kita semua sedia maklum, aduan ini merupakan indikator keboleharapan dan kebergantungan rakyat kepada PBT. Apa yang saya nak sampaikan di sini, biarlah PBT jumpa dahulu masalah sebelum masalah ini dijumpai rakyat."

"Justeru, semua permasalahan, isu maupun cadangan perlulah diselesaikan segera dalam tempoh yang munasabah," katanya.

katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra YAB Ketua Menteri bersama Ahli Majlis Pihak Berkua Tempatan Negeri Melaka 2020 di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan dan Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan.

Tambahnya, rentetan pandemik COVID-19, PBT juga diminta supaya memberi peluang kepada penjaja kecil dan peniaga mencari rezeki.

"Ahli majlis perlu pastikan aktiviti menjaja dipantau dan ditempatkan di kawasan yang bersesuaian serta selamat."

"Dengan maksud lain selamat menjalankan aktiviti perniagaan yang tidak menimbulkan masalah kepada orang ramai," katanya.



HASIM menyampaikan cenderamata penghargaan kepada Sulaiman sambil disaksikan Ghafaar.

Vaksin PCV

Buat temu janji sebelum ke klinik

BANDA HILIR - Golongan ibu bapa kini boleh mendapatkan suntikan vaksin pneumokokal konjugat (PCV) bagi anak mereka yang lahir pada tahun ini, di kesemua 31 klinik kesihatan dan 59 klinik desa di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, ibu bapa bagaimanapun perlu membuat temu janji terlebih dahulu bermula hari ini sama ada melalui panggilan telefon atau langkah-langkah lain.

"Vaksin PCV di bawah program imunisasi kebangsaan akan bermula hari ini iaitu 1 Disember yang mana vaksin itu akan diberikan sebanyak tiga dos iaitu dua dos primer pada umur 4 dan 6 bulan, diikuti satu dos penggalak atau 'booster'

ketika umur 15 bulan.

"Ini untuk bayi yang lahir 1 Januari 2020 dan seterusnya yang mana mereka layak untuk menerima suntikan vaksin ini di klinik kesihatan atau klinik desa berhampiran."

"Bagaimanapun, ibu bapa perlu membuat temu janji terlebih dahulu bagi mengelakkan kesesakan dan memastikan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dalam usaha mencegah COVID-19," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Hari AIDS Sedunia peringkat Negeri Melaka di Klinik Kesihatan Jalan Gereja, di sini.

Mengulas lanjut, beliau menyeru kesemua ibu bapa yang mempunyai bayi lahir pada tahun ini untuk mendapatkan suntikan berkenaan yang terbukti penting kepada

kanak-kanak bagi membendung penyakit-penyakit tertentu.

"Vaksin ini diberi untuk mencegah penyakit seperti radang paru-paru, radang sinus, jangkitan telinga tengah, radang selaput otak dan saraf tunjang serta jangkitan bakteria dalam darah yang boleh memberi komplikasi seperti cacat pendengaran, kecacatan otak atau kematian."

"Jadi, saya menyeru kepada orang ramai yang mempunyai anak kecil untuk datang ke klinik bagi mendapatkan vaksin ini."

Ia adalah untuk masa depan anak-anak dan jangan abaikan mereka dalam usaha memastikan mereka tidak terdedah kepada penyakit-penyakit yang sebutkan tadi," katanya lagi.



RAHMAD (kanan) menyampaikan sumbangan selepas merasmikan Hari AIDS Sedunia peringkat Negeri Melaka di Klinik Kesihatan Jalan Gereja hari ini.

Belanjawan Melaka 2021

Harap fokus kebajikan rakyat bekerja sendiri

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Golongan bekerja sendiri dan menjadikan ia punca pendapatan perlu diberikan keutamaan untuk menampung keperluan harian.

Itu disuarakan rakyat di negeri ini supaya Belanjawan Melaka 2021 dibentangkan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka bermula 9 Disember ini memfokuskan pendapatan golongan tersebut.

Salina Salihin, 50, berkata, sebagai peniaga dia mengharapkan kerajaan negeri tidak meninggalkan kebajikan peniaga-peniaga kecil di negeri ini.

"Ini kerana kami berniaga sendiri dan mengharapkan ianya sebagai pendapatan tetap."

"Saya masih ada dua anak di bawah tanggungan, walaupun suami bekerja namun saya perlu bantu untuk tambah pendapatan sampingan," katanya yang



"Saya masih ada tiga anak bersekolah dan isteri pula seorang suri rumah, diharap kerajaan negeri terus membantu rakyat yang susah seperti kami".

-AZMAN Hassan,47

atau ditambahbaik demi kelangsungan hidup," katanya lagi.

Manakala, Isa Buruk, 52, berharap kerajaan negeri memberi sedikit peruntukan atau imbuhan bagi keperluan rakyat di Melaka.

"Saya niaga 'online' sahaja, jadi pendapatan memang bergantung pada perniagaan ini saja."

"Anak saya ada lima orang di mana dua menuntut di universiti dan tiga bersekolah."

"Jika kerajaan negeri dapat membantu khususnya yang terkesan COVID-19, sudah pasti ia dapat menggembirakan rakyat," katanya.

M.Anjelai, 57 pula berkata, sebagai pekerja pembersihan di kondominium dia berharap segala permasalahan rakyat dapat didengar kerajaan negeri.

"Dulu saya bekerja sebagai operator di sebuah kilang, selepas berhenti kerja, saya jadi 'cleaner', jadi saya harap kerajaan negeri dapatlah membantu golongan seperti saya."

"Walaupun saya tidak berkahwin dan tiada anak, sudah semestinya saya juga memerlukan bantuan lain untuk menampung kehidupan harian," katanya.

Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka yang ditangguhkan sebelum ini akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dijadual berlangsung pada 9 hingga 11 Disember 2020.

"Saya masih ada tiga anak bersekolah dan isteri pula seorang suri rumah, diharap kerajaan negeri terus membantu rakyat yang susah seperti kami."

"Jika sebelum ini kami menerima bantuan, diharap ia dapat dikekalkan

"Walaupun saya tidak berkahwin dan tiada anak, sudah semestinya saya juga memerlukan bantuan lain untuk menampung kehidupan harian".

-M.Anjelai, 57

menetap di Alai.

Seorang lagi, Azman Hassan, 47 pula berkata, bekerja sebagai pemandu turut terkesan apabila pandemik COVID-19 melanda negara.

"Saya masih ada tiga anak bersekolah dan isteri pula seorang suri rumah, diharap kerajaan negeri terus membantu rakyat yang susah seperti kami."

"Jika sebelum ini kami menerima bantuan, diharap ia dapat dikekalkan

Tumpu kepada kemudahan jalur lebar dan inisiatif pelancongan

Faiz Hasan

AYER KEROH - Penggunaan perkhidmatan internet yang bermutu tinggi akan menjadi sumber penting dalam penggayaan norma baharu terutama dalam situasi mendepani pandemik COVID-19.

Seluruh lapisan masyarakat di negeri ini amat mengharapkan agar kerajaan negeri dapat memberi tumpuan untuk memperkasakan serta meningkatkan keupayaan perkhidmatan jalur lebar dalam Belanjawan Melaka 2021.

Pensyarah Ekonomi Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi (FIPT) Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Nor Hazanah Miskan berkata, ia merupakan antara aspek penting dalam menjana pembangunan kesejahteraan rakyat terutama dalam sektor pelancongan dan pendidikan di Melaka.

Menurutnya, penekanan itu akan memberi kesan positif dalam industri pelancongan sekali gus menjadikan pemangkin kepada pertumbuhan dan penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).



"Ia merupakan antara aspek penting dalam menjana pembangunan kesejahteraan rakyat terutama dalam sektor pelancongan dan pendidikan di Melaka".

-NOR Hazanah Miskan

"Menerusi peningkatan perkhidmatan sistem jalur lebar 'fiberization' di seluruh negeri ini mampu memberi kemudahan di setiap kediaman di Melaka mempunyai akses internet dengan pakej minimum sekurang-kurangnya pada kadar 10 mbps."

"Mutu perkhidmatan jalur lebar perlu ditambah baik sedikit sebanyak akan meningkatkan pembangunan kesejahteraan negeri Melaka malah dalam konteks mendepani pandemik terbabit penggunaan internet menjadi keperluan utama pengguna bagi menjalani kehidupan harian termasuk pendidikan secara atas talian, transaksi atas talian, bekerja dari rumah dan pelbagai lagi", katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menyentuh aspek pendidikan di negeri ini, Nor Hazanah berkata, kerajaan negeri perlu menitikberatkan sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang

Dengan bajet inklusif kepada industri ini, pelancongan tempatan dapat menjadi teras dalam menyumbang kepada pemulihran ekonomi pasca COVID-19.

-AKMAL Adanan



dilihat seiring dengan hasrat 'Memperkasa Pendidikan Secara Digital'.

"Perkara ini menunjukkan bahawa kaedah secara maya adalah sangat penting diaplikasikan dan berharap pembentangan yang akan diumumkan nanti memberi sinar kepada dunia pendidikan dan sektor lain."

"Perkhidmatan internet yang perlu diperluaskan itu juga mampu menjadi penyumbang utama dalam sektor pendidikan negeri ini disebabkan penggayaan norma baharu yang menjadikan pelajar di negara ini memerlukan rantaian internet bagi mendapatkan pendidikan dan maklumat di luar bilik kuliah."

"Kerajaan negeri perlu mempertimbangkan keupayaan capaian internet berkelayuan tinggi di setiap daerah di negeri ini dan jika ia dapat diwujudkan pada ketika ini segala tuntutan kerja dapat dilunaskan dengan baik walaupun pergerakan masyarakat adalah terbatas," katanya.

Bagi Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Hotel

dan Pelancongan Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Melaka, Akmal Adanan pula berpendapat, pendigitalan terhadap penjanaan internet perlu diperluaskan

dalam sektor pelancongan negeri ini melalui insentif khas perlu diperkenalkan dalam pelancongan digital atau 'digital tourism'.

Menurutnya, pengenalan pakej-pakej menarik daripada perniagaan industri terhadap pelancongan mungkin mampu menarik lebih ramai pelancong malah perlu merangka strategi alternatif termasuk tawaran baucar penginapan menarik kepada pengunjung dari zon hijau sebagai strategi gelembung perjalanan baru.

"Dengan bajet inklusif kepada industri ini, pelancongan tempatan dapat menjadi teras dalam menyumbang kepada pemulihran ekonomi pasca COVID-19."

"Kelangsungan memperkuuh sektor ini diharap menjadi suntikan kepada rantaian ekonomi berkaitan antaranya pengangkutan, penginapan, makanan, pengurusan acara serta pelbagai lagi," katanya.

RM9.4 juta tangani hakisan sungai

Afieza Arshad

BANDARAYA MELAKA – Kerajaan negeri memperuntukkan kos sebanyak RM9.4 juta bagi menangani masalah hakisan serta pergerakan tanah sepanjang perairan di negeri yang dianggarkan sejauh 73 kilometer.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Luar Bandar, Pengurusan Banjir dan Teknologi Hijau negeri Datuk Seri Utama Idris Haron berkata, pihaknya menyarankan supaya kerja-kerja berkaitan dilaksana dengan kadar segera sekurang-kurangnya dalam tempoh satu atau dua bulan.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemantauan Hakisan Negeri Melaka berkata, antara terma yang disersetujui adalah mencadangkan pemulihan, penyelesaian serta pelan tindakan di kawasan pantai-pantai yang terhakis dalam tempoh jangka masa singkat dan berkala.

"Kita mengklasifikasikan tahap keseriusan kawasan hakisan itu kepada tiga tahap iaitu tahap pertama yang sangat kritis, tahap kedua yang sederhana kritis di mana hakisan dijangka berlaku dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang dan tahap ketiga ialah hakisan mungkin berlaku dalam tempoh tujuh hingga 10 tahun lagi.

"Selain itu kerja-kerja menghalang hakisan sungai dan pantai yang mulai runtuh dengan anggaran perbelanjaan RM350

juta perlu disegearkan bagi mengelak risiko yang lebih besar supaya keadaan terkawal dan tidak menjadi semakin serius," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Menurut Idris lagi, mesyuarat jawatankuasa berhubung perkara itu pertama telah berlangsung minggu lalu juga bersetuju untuk melantik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka sebagai urusetia yang dibantu Pengerusi Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar, Datuk Seri Ghafaar Atan dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Industri Asas Tani Datuk Norhizam Hassan Baktee.

Sementara itu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi, Pantai Kundur, Serkam, Merlimau dan Sungai Rambai serta tiga pegawai daerah dari Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin turut dilantik memberi jawatankuasa tersebut bertujuan memperoleh maklum balas di kawasan yang turut berdepan masalah hakisan sungai dan pantai.

"Kita telah merekodkan tujuh tapak hakisan yang berada pada tahap kritis dan merbahaya sekitar Pantai Kuala Linggi seperti Telok Gong, Kampung Tengah dan Fort Supai.

"Sebagai langkah awal juga, JPS telah melakukan penambakan pasir di kawasan hakisan, pembinaan tembok penahan 'gabion' atau 'breakwater' bagi meminimakan kesan hakisan pantai," katanya.



HAKISAN pantai di Pantai Puteri yang menyaksikan akar-akar pokok mula kelihatan.

Foto MR. Azli



PRIHATIN...Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali menyampaikan sumbangan kepada Ratnawati Mohd Tardi, 39, yang terlantar menderita kanser payu pada tahap empat di Taman Inang Sari, Beringin, Durian Tunggal.

Dalam kongsian catatannya di laman Facebook, beliau tersentuh apabila didatangi suami Ratnawati, Baktiar Mamat di pejabatnya baru-baru ini yang mana dalam nada sayu memaklumkan isterinya berhajat untuk menemui Ketua Menteri.

Malah beliau turut akan mengusulkan supaya bantuan lampin pakai buang dapat disalurkan segera kepada Ratnawati.

i-Sinar: Rakyat gembira skop diperluas

Liana Sahabudin

AYER KEROH 27 Nov. - Pengumuman kelonggaran pengeluaran program i-Sinar daripada Akaun 1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerjaan (KWSP) kepada semua ahli yang terjejas pendapatan akibat pandemik COVID-19 ternyata melegakan orang ramai.

Tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) mendapati rata-rata rakyat bersyukur apabila skop pengeluaran i-Sinar diperluaskan kepada pendapatan yang terkesan, termasuk mereka yang kehilangan pekerjaan atau mengalami pengurangan gaji.

Zawiyah Abdul Hamid, 55 berkata, dengan pengeluaran i-Sinar secara tidak langsung dapat membantu keluarganya menggunakan wang itu membeli barang keperluan.

"Syukur sangat, mana yang terjejas kita boleh bantu perbelanjaan harian untuk anak-anak serta cucu yang ada.

"Saya nasihatkan supaya wang yang dikeluarkan ini digunakan sebaik mungkin, tak perlu nak beli kereta atau apa-apa yang tidak diperlukan," katanya.

Bagi Gaffar Nordin, 53, kelonggaran mengeluarkan wang dari program i-Sinar itu mem-



GAFFAR



S.THLA

buktikan kerajaan prihatin membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

"Jadi sebagai pengguna kita perlu manfaatkan wang itu sebaik mungkin, jika dah dapat wang KWSP gunakan di jalan yang betul."

"Semasa COVID-19 ini pun saya sukar untuk mendapatkan pekerjaan, kadang-kadang ada buat kerja sendiri untuk tumpang hidup," katanya.

Manakala, S.Thila, 33, pula berkata pengeluaran KWSP itu tidak mengira golongan miskin atau kaya kerana semuanya terkesan semasa pandemik COVID-19 melanda negara.

"Saya berhenti kerja bulan Mac lalu, tiba-tiba kerajaan umumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sumber

pendapatan saya memang tiada waktu ini.

"Dengan pengeluaran wang ini memang dapat membantu saya dan keluarga, lebih-lebih lagi tiada punca pendapatan hingga terpaksa menangguhkan pembayaran komitmen yang sepatutnya."

"Nak harapkan simpanan lama-lama akan berkurangan juga, tambah pula perbelanjaan hari ini semakin meningkat," katanya yang menetap di Banda Hilir.

Baru-baru ini Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz mengumumkan program i-Sinar diperluaskan dan jumlah pengeluaran maksimum sebanyak RM10,000 bagi mereka yang mempunyai RM90,000 dan ke bawah dalam Akaun 1.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06-251 9314, 06-251 9315
FAX : 06-251 9316

Pengarang Kanan
MUHD RIZANIZAM ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

LIANA SAHABUDIN
liyan90@melakahariini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakahariini.my

REKABENTUK & GRAFIK
Ketua
HANALIZA JUMINGAN
jotshoot@melakahariini.my

Pengarang
MOHD HAMZATUL AKMAR MD ZAKARIA
yondame87@melakahariini.my

NURSALIA SALBERI
nur_salberi@melakahariini.my

FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakahariini.my

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakahariini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakahariini.my

Penolong Pengarang
AHMAD FUAD RAMDAN
fuadramdan@melakahariini.my

MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakahariini.my

Jurufoto Kanan
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

MIMIE AZURA ABU BAKAR
mimieazura1981@melakahariini.my

MUHAMAD AIZAT BAHRUDIN
aizat.syamil65@melakahariini.my

PEMASARAN

Pengurus
MUHAMMAD HAMZI ROSMANI
amz@melakahariini.my
018 - 329 9936

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakahariini.my

Wartawan Penyiaran
MOHAMAD FARIS HAikal
farishhaikal.zakaria@melakahariini.my

Jurukamera
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakahariini.my

SITI NAJIHA ABDULLAH
snajihah96@yahoo.com

SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHAIDZIR
khalidah@melakahariini.my

Penyunting Video
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakahariini.my

AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI
aufazzati98@melakahariini.my

AMIRUL RAMLI
amirulramli1990@melakahariini.my

Tambahan masa enam bulan siapkan masjid

Muhd Rizanizam
Foto MR. Azli

SUNGAI RAMBAI - "Kira-kira 6,000 penduduk sekitar Kampung Seri Mendapat, di sini merayu kerajaan segera menyiapkan projek pembinaan masjid baharu di kampung berkenaan yang terbengkalai sejak hampir tiga tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Seri Mendapat, Ramli Mohd. Tahir, 47, berkata, masjid berkenaan sepatutnya siap pada 2018, namun tertangguh sehingga kini walaupun ianya sudah hampir 70 peratus siap.

"Sejak pembinaannya tertangguh, bermacam persoalan timbul dalam kalangan penduduk kerana pembinaannya sudah hampir siap mengantikan Masjid Al-Mukminun yang sudah berusia lebih 30 tahun.

"Saiz masjid lama hanya mampu memuatkan kira-kira 1,000 jemaah pada satu-satu masa sedangkan penduduk di kampung ini berjumlah lebih 6,000 orang termasuk 2,500 pelajar lelaki di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka Kampus Jasin.

"Sebab itu, keperluan masjid baharu ini sangat mendesak dan berharap campur tangan kerajaan terhadap pemaju untuk segera menyiapkan projek ini," katanya ketika ditemui media, baru-baru ini.

Imam I Masjid Al Mukminun, Mohd Jamjam Rasid berkata, beliau difahamkan pemaju projek masjid baharu itu yang menelan kos pembinaan RM6 juta mengalami masalah kewangan sehingga menjadi punca ianya terbengkalai.

"Saya harap, pembinaannya dapat diteruskan kerana terdapat beberapa

lagi kawasan perumahan baharu sedang dibina sekali gus akan menambah bilangan ahli kariah masjid sedia ada," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Datuk Hasan Abd Rahman, yang turut melawat tapak masjid berkenaan berkata, projek terbabit tergendala disebabkan masalah kewangan yang dihadapi pemaju menyebabkan kontraktor dilantik terpaksa menghentikan kerja-kerja pembinaan.

"Sebelum ini kita telah tubuhkan satu jawatankuasa khas dianggotai wakil pemaju, kontraktor serta beberapa agensi kerajaan berkaitan untuk mencari jalan penyelesaian menyiapkan masjid ini yang dianggarkan menelan kos perbelanjaan sebanyak RM6 juta.

"Hasilnya, syarikat pemaju setuju untuk menyiapkan masjid ini dalam tempoh



KEADAAN masjid yang terbengkalai sejak hampir tiga tahun lalu.

enam bulan dan dijangka siap menjelang Mei tahun depan.

"Kerja-kerja pembinaan

dan pemuliharaan masjid berkeleluasan 2.02 hektar akan bermula esok oleh kontraktor sama dan jawatankuasa akan

memantau rapat perkembangannya sehingga ianya siap dalam tempoh enam bulan," katanya.

Melaka sasar bebas AIDS 2030

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BANDA HILIR - Kerajaan negeri menyasarkan 2030 sebagai tahun untuk mengakhiri AIDS di Negeri Melaka.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, usaha mengakhiri penyakit yang boleh berjangkit melalui perkongsian jarum suntikan dan aktiviti seksual itu dalam tempoh 10 tahun diyakini boleh dicapai melalui kerjasama dan iltizam yang ditunjukkan pelbagai pihak.

Jelasnya, sehingga September 2020, jumlah kumulatif kes HIV yang dilaporkan di negeri ini adalah sebanyak 4,332 kes, yang mana majoritinya, iaitu 89.5 peratus adalah lelaki.

"Selain itu, kita juga mula mengesan 149 kes HIV atau AIDS dengan 3.4

peratus daripada kes keseluruhan datangnya dari kalangan mereka yang berusia 18 tahun ke bawah.

"Jumlah pesakit HIV atau AIDS yang telah meninggal dunia setakat ini ialah sebanyak 1,165 orang atau 27 peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Justeru, peranan yang dimainkan oleh semua pihak adalah amat dihargai kerana dengan bantuan dan sokongan semua ia boleh membawa impak besar kepada kawalan HIV dan AIDS di Melaka, sekali gus mencapai sasaran untuk mengakhiri AIDS menjelang 2030," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Hari AIDS Sedunia 2020

Peringkat Negeri Melaka di Klinik Kesihatan Jalan Gereja, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka Datuk Dr. Ismail Ali.

Dalam majlis tersebut

Rahmad turut dibawa melawat ke Bilik Kamelia iaitu sebuah projek komprehensif pencegahan HIV melalui transmisi seksual di klinik kesihatan berkenaan.

Projek Kamelia itu telah bermula pada tahun 2018 dengan menggunakan pendekatan mesra 'key population' (golongan sasaran) iaitu menyediakan petugas dalam kalangan golongan sasaran itu sendiri untuk membantu petugas kesihatan.

Rahmad berkata, petugas yang dilantik itu bukan sahaja aktif menjalankan pengesanan pesakit HIV dan AIDS, tetapi juga mengdalikan sesi kaunseling peribadi.

"Melalui projek ini, hasilnya setakat Oktober 2020, seramai 187 golongan sasaran telah datang mendapatkan perkhidmatan di mana 19 kes HIV positif baharu telah dikestan," ujarnya.



RAHMAD (tengah) merasmikan Hari AIDS Sedunia 2020 peringkat Negeri Melaka di Klinik Kesihatan Jalan Gereja.



LATIPAH ketika berucap merasmikan program terbabit.

Kempen tangani keganasan terhadap wanita diperhebat

Faiz Hasan

TABOH NANING - Pendekatan turun padang dari setiap daerah akan diperluaskan kerajaan negeri bermula pertengahan Disember ini bagi menangani masalah keganasan terhadap wanita.

Pengerusi Jawatankuasa Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan, Datuk Wira Latipah Omar berkata, pendekatan yang diambil menerusi Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita akan diadakan menerusi kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Menurutnya, pihaknya turut akan menumpukan di beberapa lokasi kawasan pedalaman bagi memberi kesedaran ke-

pada golongan wanita supaya terhindar daripada menjadi mangsa keganasan.

"Keganasan terhadap golongan ini telah mempengaruhi pelbagai aspek yang bukan sahaja dari segi fizikal namun juga dari segi mental sehingga memudaratkan mereka.

"Wanita tidak perlu malu untuk membuat aduan jika menjadi mangsa keganasan kerana pelbagai inisiatif disediakan kerajaan termasuk kaunseling dan sebagainya.

"Kita telah menghentikan kes-kes yang berlaku ini dengan pelbagai caradan berharap menerusi kempen yang dilaksanakan ini ia mampu memberi kesedaran masyarakat di luar sana agar dihentikan ke arah membentuk se-

buah negara sejahtera," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan program Motivasi Menyeluruh untuk Mencapai Ketenangan Qalbu di Japerun Taboh Nanning, baru-baru ini.

Tambahnya, statistik berdasarkan aduan yang diterima di Talian Kasih berhubung kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negeri ini merekodkan sebanyak 1,430 diterima sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu.

"Kes ini dilihat memerlukan perhatian semua pihak malah kita juga menerima sebanyak 197 kes keganasan rumah tangga direkodkan dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka pada tempoh sama," katanya.

MBMB: Potongan 50 peratus buat penyewa gerai

Liana Sahabudin



AYER KEROH - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) meluluskan pengurangan 50 peratus kadar sewa gerai bagi bulan Oktober sehingga Disember ini.

Datuk Bandar MBMB Datuk Zainal Abu berkata, pengurangan kadar sewa itu melibatkan sebanyak 1,350 penyewa gerai di bawah pentadbiran MBMB.

"Selepas mesyuarat Ja-

watankuasa Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan Bil 8/2020 MBMB, kita bersetuju memberi insentif baharu kepada semua penyewa gerai dan ruang niaga MBMB.

"Ini juga sebagai tanda sokongan MBMB terhadap saranan Kerajaan Negeri Melaka bagi mereka yang terkenan dengan pandemik COVID-19," katanya.

Katanya lagi, MBMB turut meluluskan 12 lot ber- niaga khas dengan pecahan 10 lot untuk pemohon kategori orang kelainan upaya (OKU).

"Manakala, dua lot untuk seniman jalanan yang akan ditempatkan di Taman Warisan Dunia, Jonker Walk berkuatkuasa 1 Disember ini.

"Sebarang pertanyaan



MBMB terima anugerah Gold Class 2 Award secara maya.

Ilanjut boleh hubungi urus- tia di Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan MBMB di talian 06- 2859700," katanya lagi.

Sementara itu, MBMB baru-baru ini telah me- nerima Anugerah Gold Class 2 Award pada Majlis Penerimaan Anugerah MSOSH Award 2019' secara maya.

Jelas Zainal, anugerah

itu pengiktirafan kepada orga- nisasi atau syarikat yang mempunyai rekod penca- paian cemerlang dalam kesihatan dan keselamatan pekerjaan.

"Ini acara tahunan Per- satuan Keselamatan dan Ke- sihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH) yang diberikan kepada organisasi di Malay- sia dengan prestasi kesela-

matan dan kesihatan peker- jaan yang terbukti cemer- lang.

"MBMB pertama kali sertai MSOSH Award 2019 dan telah melalui sesi pen- gauditan di lapangan pada 8 September lalu, penyertaan ini melibatkan 230 agensi, namun hanya 158 yang ber- jaya menerima anugerah," katanya.

II Anugerah itu pengiktirafan kepada organisasi atau syarikat yang mempunyai rekod pencapaian cemerlang dalam kesihatan dan keselamatan pekerjaan. **II**

Lebih 20 peniaga beroperasi secara percuma - Shadan

AYER KEROH - Majlis Per- bandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) memberi peluang kepada lebih 20 peniaga untuk bermula secara per- cuma di kompleks beli-belah Melaka Mall, di sini.

Yang Dipertua MPHTJ

Datuk Shadan Othman ber- kata, usaha itu bagi membantu masyarakat khususnya peniaga yang terkesan sepan- jang penularan pandemik COVID-19.

"Kita dah mulakan per- tengahan November lalu,

pada hari biasa ada dalam lima hingga 10 peniaga saja, tetapi hujung minggu lebih 20 peniaga.

"MPHTJ bagi percuma pada mereka yang nak ber- niaga, mereka hanya perlu bayar lesen dan ambil sunti-

kan 'typhoid' untuk penge- sahan kesihatan mereka," katanya ketika dihubungi MHI.

Katanya, selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ditamatkan di negeri ini, kehadiran pengunjung ke tapak perniagaan semakin memberangsangkan.

"Setakat ini hujung minggu sambutan sangat rama, tetapi bergantung juga ke-

pada musim.

"Bila PKPB dan tamat memang ada sedikit pertambahan berbanding sebelum ini," katanya.

Shadan berkata, pihaknya bagaimanapun cuba un- tuk membantu mereka yang terkenan dari sumber pendapatan termasuk dibuang kerja se- masa pandemik COVID-19.

"Jika mereka ingin niaga mesti kena ambil lesen, te-

tapi kita akan permudahkan urusan mereka selagi ia me- matuhi syarat ditetapkan," katanya lagi.

MPHTJ baru-baru ini menawarkan tapak untuk bermula secara percuma di Melaka Mall melibatkan ka- wasan tapak promosi meli- puti ruang legar (berhadapan premis perniagaan Parkson) hingga ke luar tapak ban- gunan iaitu di kaki lima.



SHADAN menyantuni peniaga di hadapan kompleks Melaka Mall baru-baru ini.



Melaka perkenal teksi air tahun hadapan

Faiz Hasan

AYER KEROH — Perkhidmatan Teksi Air bakal diperkenalkan pada tahun hadapan sebagai langkah terbaik bagi menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini dalam tempoh pasca penularan pandemik COVID-19. Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, kaedah itu sebagai pendekatan terbaik dan langkah kreatif kerajaan negeri memperkenalkan pelbagai produk pelancongan baharu di Melaka menjelang tahun hadapan.

"Sebanyak dua buah teksi air yang menawarkan perkhidmatan membawa pelancong ke lapan destinasi perhentian di sepanjang Sungai terbabit akan diperkenalkan dengan perkhidmatan yang bermula dari Melaka Sentral ke pusat bandar menggunakan jajaran Sungai Melaka.

"Produk yang akan dikenali sebagai 'Water Taxi' yang diseliakan Perbadanan Pantai dan Sungai Me-

laka (PPSPM) selain menambah baik produk sedia ada seperti Melaka River Cruise dengan perjalanan dianggarkan sejauh 4.5 kilometer.

"Produk seperti ini dilihat sangat sesuai bagi penawaran pakej pelancongan untuk seisi keluarga dan pasti dapat memulihkan semula sektor pelancongan di negeri ini."

"Selain itu, pelbagai produk baharu turut diperkenalkan pada tahun hadapan bagi menarik pelancong ke Melaka antaranya Dinosaurus Park di Zoo Melaka, Rumah Hantu di Menara Taming Sari dan Kompleks Pelancongan Klebang."

"Malah, kita turut akan perkenalkan 'Love Boat' untuk pasangan suami isteri atau kekasih dan bagi orang Islam mereka perlu menunjukkan surat nikah sebelum dibenarkan menggunakan kemudahan tersebut yang ditawarkan dengan harga berpatutan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Pelancaran Melaka Golf Championship 2020 di Hotel Ames, baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai

Eksekutif Sheng Tai International, Datuk Leong Sir Ley.

Mengulas lanjut, Muhammad Jailani berkata, pendekatan memperkenalkan kepelbagaian produk baharu itu merupakan antara usaha diamalkan Tourism Melaka bersama pemain industri pelancongan negeri ini yang bukan sahaja menarik ramai pelancong namun memberi peluang kepada mereka agar menginap di negeri ini pada kadar yang lama.

Katanya, biarpun sasaran mencapai 5.6 juta pelancong agak tersasar disebabkan pandemik COVID-19 pendekatan dalam mengadakan penganjuran lain seperti kejohanan golf yang disertai penduduk luar dalam dalam negeri mampu menambah jumlah pelancong dalam tempoh dua minggu terakhir ini.

"Seperti kita alami, pengusaha pelancongan begitu terjejas akibat pandemik Covid-19 dan kerana itu kita sentiasa berusaha untuk memastikan Melaka terus mempunyai tempat pelancongan yang unik dan mempersonakan," katanya.



JAILANI mempamerkan Piala Ketua Menteri sempena kejohanan tersebut selepas menyempurnakan pelancaran Melaka Golf Championship 2020 di Hotel Ames, baru-baru ini.

Melaka Golf Championship 2020 Subsektor pelancongan sukan diperkasakan

MELAKA Golf Championship 2020 mampu menjadikan Melaka sebagai destinasi sukan golf utama di Malaysia sekali gus memperkasa subsektor pelancongan sukan di negeri ini.

Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, sukan yang bakal diadakan pada 18 hingga 19 Disember ini mampu menjadi tarikan pelancongan domestik ke negeri ini.

Menurutnya, acara yang diadakan terbabit sekali gus mewujudkan jaringan antara negeri terlibat yang menarik peminat sukan golf tanah air bagi ber kunjung ke Melaka.

"Penyertaan yang dibuka pada kejohanan kali ini disertai 100 peserta bagi merebut Piala Ketua Menteri yang akan diadakan di Ayer Keroh Country Club dan Tiara Melaka Golf and Country Club."

"Aktiviti pelancongan yang mempunyai kesinambungan iaitu dengan menawarkan pelbagai pakej lokasi dan penginapan menarik seperti ini mampu memberi peluang kepada pelancong

untuk menetap dengan jangka masa lama ke negeri ini.

"Perkara ini sekali gus akan menggalakkan pelancongan domestik untuk kekal berada di Melaka dalam tempoh yang lama bagi memberi peluang mereka meneroka beberapa tarikan lain di negeri ini," katanya.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Sheng Tai International, Datuk Leong Sir Ley.

Pada masa sama, Sir Ley berkata, program yang diadakan itu mampu memberi peluang negeri ini dalam memperkasa sektor pelancongan dalam krisis kesihatan yang melanda negara.

"Perkara ini secara tidak langsung memberi pelbagai potensi lain kepada Melaka bagi menjana semula sektor pelancongan dan ekonomi di negeri ini."

"Malah, ia mampu memberi galakan kepada badan-badan korporat terlibat untuk terus menyertai dan memberi sokongan dalam pembangunan pelbagai sektor di Melaka," katanya.



MELAKA River Cruise turut akan ditambahbaik dalam usaha memulihkan semula sektor pelancongan di negeri ini.

Harap gelembung perjalanan Melaka-Singapura dilaksana tahun depan

AYER KEROH — Pemain industri pelancongan negeri ini masing-masing berharap sempadan antarabangsa kembali dibuka pada suku kedua tahun hadapan menerusi pendekatan gelembung perjalanan antara Melaka dan Singapura.

Menurut Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Sa'ari Basiron, itu antara luahan dari pemain industri negeri ini agar mereka mampu kembali bernafas, memandangkan pelancong dari Singapura merupakan antara yang tertinggi berkunjung ke negeri ini.

"Mengikut rekod, jumlah pelancong antarabangsa tertinggi adalah dari China diikuti Singapura dan Indonesia bagaimanapun kita menyasarkan Singapura disebabkan negara yang paling relevan dan terdekat dalam tempoh penularan ini."

"Singapura dilihat berpotensi bagi

melaksanakan gelembung perjalanan ke negeri ini kerana ia merupakan antara negara berpotensi bagi melaksanakan pendekatan ini."

Malah perkara ini disebabkan pendapatan pelancongan Melaka mencatat angka yang tertinggi dari sudut perbelanjaan pelancong antarabangsa berbanding domestik, "katanya dalam program Diskusi@MelakaTV diadakan di Hotel Ames, baru-baru ini.

Menerusi program bual bicara dia dakan kira-kira sejam itu telah disertai oleh empat barisan panel bagi membincangkan hala tuju sektor pelancongan di negeri ini.

Diskusi@MelakaTV yang bertajuk 'Pelancongan Pasca PKPB: Kemana Arah Tuju Melaka?' telah dihadiri barisan panel daripada Pengurus Persatuan Ejen Pelancongan Dan Pengembangan Malaysia (MATTA) Goh Hock Gin dan Setiau-

sah Kehormat Persatuan Hotel Bajet Negeri Melaka (Mybha) Khairul Afnan Zakaria dan Presiden Persatuan Pelancongan Melaka Madeline Kuah Wey Lee.

Dalam perbincangan terbabit, Khairul menyuarakan pendekatan gelembung perjalanan dengan membenarkan perjalanan antara negeri-negeri berstatus zon hijau mampu memberi manfaat terutama dalam perkhidmatan perhotelan di negeri ini.

Jelasnya, perkara itu telah disambut baik pemain perkhidmatan perhotelan di negeri ini disebabkan yang kurang menerima sambutan dalam tempoh penularan terbabit.

"Perkara ini sekali gus membawa manfaat kepada pemain industri pelancongan Melaka terutama perhotelan dan perlu merangka strategi lain bagi memasarkan perkhidmatan mereka," katanya.



RAMLI Mohd Ali, Ketua Pegawai Eksekutif Invest Melaka, ketika membaca akhbar Melaka Hari Ini (MHI) selepas menerima kunjungan hormat Ketua Pegawai Eksekutif MHI, Datuk Seri Abdul Jalil Hamid (kiri) di pejabat Invest Melaka, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), pada 4 Disember lepas. Hadir sama Ketua Pegawai Operasi MHI, Anuar Shaari.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pihak membincangkan mengenai kerjasama dua hala dalam memperkuuhkan strategi perniagaan dan pelabur.

Polis tumpas sindiket pelaburan saham haram

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Mewujudkan laman web pelaburan saham dengan menawarkan pulangan yang tinggi untuk meyakinkan mangsa membuat transaksi wang antara taktik dilakukan kumpulan sindiket jenayah siber dipercayai warga China di negeri ini.

Kumpulan sindiket berusia antara 22 hingga 45 tahun itu bagaimanapun tumpas selepas ditahan sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka dalam dua serbuan berasingan dalam operasi baru-baru ini.

Ketua Polis Melaka, Datuk Abdul Majid Mohd Ali berkata, dalam serbuan pertama pada 24 November lalu, polis menyerbu sebuah unit kondominium di Jalan Tun Perak, di sini pada jam 6 petang sebelum menahan 13 lelaki warga asing.

Ujarnya, ketika serbuan, semua suspek sedang melayari komputer secara atas talian dengan skrin komputer memaparkan graf disyaki pelaburan saham.

Beliau berkata, susulan itu, polis merampas beberapa peralatan dipercayai digunakan untuk kegiatan haram itu, antaranya termasuk 97 telefon bimbit, 13 komputer riba, pasport negara China (5) dan modem WiFi.

"Siasatan awal mendapati sindiket ini menyasarkan mangsa luar daripada negara ini, bukan warga tempatan.

"Susulan daripada penahanan pertama, polis membuat serbuan di sebuah kondominium Atlantis Residences di Kota Laksamana pada jam 2 petang Jumaat lalu sebelum menahan tiga lagi suspek sindiket sama," katanya pada sidang di Bilik Mesyuarat JSJK IPK Melaka.

Mengulas lanjut, beliau berkata siasatan lanjut mendapati sindiket berkenaan mewujudkan laman web mengenai pelaburan saham sebelum memancing mangsa supaya menyertai kegiatan jenayah siber itu.

"Menerusi laman web berkenaan, mereka membuat beberapa komunikasi melalui

transkrip.

"Apabila mangsa mula mengesyaki ada unsur penipuan, mereka akan menutup laman web berkenaan selepas transaksi wang telah dibuat," katanya.

Abdul Majid berkata, kumpulan sindiket berkenaan dipercayai mula beroperasi di negeri ini sejak awal November dan dipercayai berpindah dari satu kawasan ke kawasan lain untuk dijadikan pusat panggilan kegiatan itu.

Jelasnya, daripada risikan yang dijalankan, mereka menjadikan negara ini sebagai 'call-centre' (pusat panggilan) kerana sewa di sini berbanding negara Asia lain agak rendah dan sistem telekomunikasi kita juga terbaik berbanding negara lain.

Tambahnya, pemeriksaan lanjut mendapati lima daripada suspek mempunyai dokumen perjalanan sah manakala lapan lagi tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan.

"Semua suspek disambung reman sehingga Khamis dan Jumaat ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah.

"Polis turut membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 6(1) Akta Imigresen 1959/63 atas kesalahan tiada dokumen perjalanan sah dan 15(1)(c) akta samah kerana tinggal lebih masa.

Beliau berkata, penahanan semua suspek itu merupakan antara 26 kes jenayah komersil membabitkan jumlah kerugian keseluruhan RM3.2 juta yang berjaya disesuaikan polis kontinjen Melaka dalam tempoh Januari hingga November tahun ini.

Abdul Majid turut menyeru kepada orang ramai supaya menyalurkan maklumat kepada polis apabila mendapat terdapat kecurigaan terhadap penempatan ramai warga asing di kawasan.

"Bagi memudahkan orang ramai menyalurkan maklumat mengenai kegiatan jenayah di kawasan mereka, polis Melaka telah mewujudkan satu saluran dalam aplikasi Telegram," katanya.



ABDUL Majid (tengah) menunjukkan transkrip yang digunakan sindiket untuk memperdaya mangsa.

Taman Sejati

MERLIMAU

TIADA KOS TAMBAHAN

DIBUKA UNTUK JUALAN

Hanya berbaki 8 unit sahaja lagi

Siapa cepat dia dapat

HARGA RENDAH

HAK MILIK KEKAL MCL | SIAP DENGAN CFO | RUMAH SIAP UNTUK DIDIAMI

RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT (HARGA BERMULA DARI RM333,000.00)

RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT (HARGA BERMULA DARI RM440,000.00)

PEMAJU ARENA PANORAMA SDN BHD (Co. No. 88757-N)

No. 8, Jalan Husaria 4/6, Taman Nusantara, 81500 Gelang Patah, Johor

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:

SYAZA
011 6066 7720

MIZAH
016 929 0106

MISS ONG
012 335 1488

GPS : 2.139251, 102.427438

"Ambillah tindakan segera" - Penduduk



TINJAUAN dari udara yang memperlihatkan tapak sisa toksik di Kampung Pengkalan Perigi, Tanjung Kling yang masih belum dibersihkan.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

Tanjung Kling, di sini mengenai isu tapak haram sisanya toksik yang masih belum dibersihkan.

Seorang penduduk, Md Daud Mihat, 67 menzahirkan

rasa terkilan di atas tindakan yang disifatkan agak perlahan oleh pihak berwajib me mandangkan kini sudah lebih sebulan pembongkaran tapak tersebut, namun masih

tiada tindakan susulan.

Tegasnya, situasi itu mewujudkan kerisauan penduduk khususnya yang tinggal berdekatan tapak haram tersebut kerana ia dikhuatiri mengancam nyawa dan kesihatan.

"Perkara ini sudah sebulan lebih, kita orang kampung tak tahu perkembangan terkini bila ia (tong sisa toksik) akan dialihkan. Sebab benda ini mendatangkan mudarat kepada penduduk dan benda-benda bernyawa."

"Kita tak harap apa-apa yang lain, kita cuma mahu perkara ini diselesaikan secepat mungkin. Sampai bila nak biarkan orang kampung sedut udara toksik?," soalnya.

Nada sama turut disuarakan seorang lagi penduduk, Ismail Hasbullah, 56 yang kecewa dengan tindakan yang disifatkan agak perlahan oleh pihak berwajib untuk menyelesaikan isu berkenaan.

Dia yang tinggal berhadapan tapak sisa toksik itu memberitahu, sehingga hari ini tidak malamnya bersama keluarga sering terganggu dengan bau-bau yang tidak menyenangkan datang daripada tapak tersebut.

"Bila angin kuat dari laut memang ada bau yang tidak menyelesaikan terutama kepada orang tua dan kanak-kanak. Saya merayu ambillah tindakan segera sebelum perkara tak diingini berlaku."

"Jangan sampai apa yang berlaku di Sungai Kim Kim, Johor berlaku di Peng-

kalan Perigi. Ingat, tapak haram ini juga berdekatan dengan laut. Jangan sampai nasi menjadi bubur," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Pengurus Jawatankuasa Pembangunan dan Kemajuan Kampung (JPKK) Pengkalan Perigi Nazar Derus, 49, berharap suara penduduk setempat mengenai isu berkenaan didengari.

Ujarnya, jika tiada tindakan diambil segera ia bukan sahaja akan memberi kesan kepada penduduk, bahkan kepada haiwan, tumbuh-tumbuhan dan alam sekitar.

"Kita percaya isu ini tidaklah besar berbanding isu-isu lain. Tetapi jika tiada tindakan, ia dikhuatir boleh menjadi letupan. Jadi, kita harap segerakanlah penyelesaian isu ini untuk mengurangkan kerisauan penduduk."

"Jika pihak berwajib tidak mampu selesaikan, kita akan bawa perkara ini ke pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA). Insyaallah kita orang kampung akan gunakan saluran yang betul untuk buat tindakan itu," tegasnya.

Tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) ke lokasi berkenaan pagi tadi, mendapati ratusan tong yang mengandungi sisa toksik dan bahan terjadual berbahaya di kawasan itu masih belum dibersihkan sehingga ke hari ini walaupun tapak itu sudah dikenakan sejak 6 Oktober lalu.

Tinjauan dari udara memperlihatkan kawasan tersebut mula ditakungi air

NAZAR

yang bercampur dengan minyak, malah, terlihat kesan takungan itu turut mengalir ke luar.

Kelihatan juga ada beberapa tong yang mulai condong dan dikhuatir akan tumbang pada bila-bila masa selagi kawasan berkenaan tidak dibersihkan segera.

Bagaimanapun Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Melaka yang dihubungi MHI memaklumkan pihaknya tidak dapat memberi maklumat lanjut memandangkan isu terbabit masih dalam sidang.

Pengarahnya, Rosli Osman berkata, pihaknya kini sedang menunggu keputusan daripada jabatan kimia sebelum melengkapkan kertas siasatan dan mengambil tindakan kepada pelaku yang terlibat.

JAWATAN KOSONG WARDEN WANITA

Permohonan adalah dipelawa dari penduduk tempatan untuk mengisi jawatan sebagai **Warden Wanita di Asrama Anak Yatim dan Miskin Islam PAYASUM di Paya Rumput Jaya, Sungai Udang, Melaka**. Permohonan hendaklah mempunyai syarat-syarat seperti berikut:-

1) Warganegara Malaysia (Wanita bujang)

2) Umur: 23 tahun hingga 30 tahun

3) Kelulusan:

- Diploma Pengajian Islam (Syariah)
- Diploma Kaunseling (KUIM)
- Sijil Tinggi Agama Islam (STAM)

4) Keutamaan pada yang memiliki lesen memandu (D)

Pemohon yang berjaya dalam temuduga akan dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan saringan jabatan Polis Diraja Malaysia dan tinggal di asrama perempuan. Sila kemukakan permohonan dengan mengisi borang yang boleh didapati dari bahagian pentadbiran PAYASUM dalam waktu pejabat. Borang yang telah lengkap hendaklah sampai ke pejabat PAYASUM tidak lewat pada **16 Disember 2020, jam 12 tengah hari**.

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi:

06-3512364 (PEJABAT)

012-2846126 (HP)

(Pengurus PAYASUM, Hj Khadzir bin Hj Jantan)

EDISI 7 DISEMBER 2020 - 13 DISEMBER 2020

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhan mereka serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Peranan wakaf mampu bentuk kelestarian komuniti

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - WAKAF ialah wadah yang menjadi tulang belakang bagi ketamadunan dan peradaban dunia Islam sejak berkurun lama dahulu dengan pembangunan sistem berkenaan merangkumi pelbagai perkara.

Pembangunan wakaf melibatkan pelbagai prasarana untuk kesejahteraan masyarakat sama ada dari sudut kerohanian, kebaikan dan pendidikan secara keseluruhan.

Wakaf bukan sahaja tertumpu ke-

pada konsep kerohanian namun mampu memberi kesejahteraan dalam apsek kesihatan dan kelestarian kehidupan masyarakat.

Sistem wakaf yang lebih holistik dilihat kurang mendapat sambutan dalam masyarakat Islam di negara ini kerana wujudnya persepsi salah mengenai wakaf yang dihadkan kepada beberapa aspek sahaja seperti pembinaan masjid, surau, sekolah agama dan tapak perkuburan.

Hakikatnya, sistem wakaf seharusnya bersifat dinamik dan progresif sejajar dengan perubahan zaman terutama pada ketika era penyampaian

maklumat secara pantas di dunia tanpa sempadan pada ketika ini.

Menurut sejarah, sistem wakaf yang diperkenalkan Islam mewujudkan satu kerangka komprehensif dalam pengurusan dan pentadbiran hal ehwal filantropi pada peringkat universal.

Inisiatif berkenaan bakal diperkenalkan dengan kerjasama Yayasan Wakaf Malaysia bersama majlis agama Islam negeri (MAIN) dalam mewujudkan urus tadbir lebih efisien.

Pelaksanaan itu juga selaras undang-undang dan bidang kuasa berkaitan bagi mewujudkan sinergi yang efektif antara pelbagai organisasi dalam usaha memudahkan cara pengurusan wakaf yang lebih tersusun.

Bagi meningkatkan lagi impaknya, usaha ini boleh dijalankan dengan instrumen dan platform dengan

// Pembangunan wakaf melibatkan pelbagai prasarana untuk kesejahteraan masyarakat sama ada dari sudut kerohanian, kebaikan dan pendidikan secara keseluruhan. //

kewujudan kewangan Islam khusus kepada tabung wakaf yang bertujuan menyelaras pemurnian pengumpulan dan penggunaan dana wakaf.

Penggunaan dan pemahaman aplikasi secara digital merupakan antara kaedah mudah yang membolehkan masyarakat untuk melaksanakan pewakafan sama ada berbentuk wang tunai atau sebaliknya.

Dari sudut pendidikan peranan wakaf dilihat sangat signifikan dengan usaha untuk melibatkan masyarakat dalam menggembeleng usaha bersama ke arah peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran mela-

lui pembinaan kurikulum yang mapan selain penyediaan kemudahan fizikal yang kondusif untuk manfaat pelajar dan warga pendidik.

Yang jelas, peranan wakaf dalam kehidupan manusia sangat signifikan sehingga kajian ada menggambarkan bagaimana seseorang dilahirkan di rumah wakaf, tidur dalam buaian wakaf, makan dan minum daripada harta wakaf, membaca buku yang diwakafkan, belajar di sekolah wakaf, menerima gaji daripada sumber wakaf dan kesudahannya mati diletakkan dalam keranda wakaf dan dikebumikan di perkuburan wakaf.



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud menyampaikan sumbangan cek kutipan saham wakaf berjumlah RM 128,786.50 kepada ADUN Pantai Kundor, Datuk Nor Azman Hassan mewakili Masjid Bilal bin Rabah Tanjung Kling.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

MAJLIS Agama Islam Melaka (MAIM) Cawangan Jasin menerima sumbangan 5 unit kerusi roda daripada farmasi Remedi bagi kegunaan asnaf yang memerlukan di sekitar daerah ini. Pihak MAIM turut mengalu-alukan keprihatinan agensi korporat dan swasta untuk bersama dalam memastikan kebajikan asnaf dan golongan memerlukan di negeri ini dapat dibantu dengan sebaiknya.



PEGAWAI Siasatan Agihan Zakat MAIM daerah Jasin menyantuni asnaf saudara muslim di perkampungan orang asal Bukit Seraya, Selendar dan turut memastikan keperluan asas lain yang diperlukan sepanjang tempoh sukar kesan daripada pandemik COVID- 19 di negeri ini.



PERKONGSIAN peri pentingnya wakaf sentiasa dilaksana oleh MAIM di setiap masjid mahupun agensi sektor awam dan swasta bagi memastikan umat Islam mendapat pemahaman yang lebih jelas berkaitan perkara berkenaan. Pegawai Wakaf MAIM, Ahmad Ataillah Zakariah hadir menyampaikan tazkirah wakaf di Masjid An-Najwan di Kariah Cheng baru-baru ini.



JOM BERWAKAF

“Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat”

Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah**, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya

-Hadith Riwayat Muslim-

<https://iwakaf.maim.gov.my>

PEMBUKAAN LANJUTAN MASA KAUNTER ZAKAT HARI SABTU, AHAD & CUTI UMUM SEPANJANG BULAN DISEMBER 2020

Assalamualaikum wbt muslimin dan muslimat yang dikasih sekalian,

ZAKAT melaka (zm) berhasrat meneruskan perkhidmatan lanjutan masa kaunter zakat bagi memudahkan pembayar-pembayar zakat untuk melunaskan zakat harta sebelum 31 disember 2020. kaunter yang terlibat seperti berikut:

- Ibu pejabat zakat melaka,
- Cawangan masjid tanah,
- Cawangan merlimau,
- Cawangan alor gajah

- Pembukaan lanjutan masa kaunter zakat ini merupakan salah satu permintaan masyarakat islam demi melunaskan zakat terutamanya daripada masyarakat islam yang tinggal di luar melaka.
- Hanya di ibu pejabat serta cawangan yang dinyatakan di atas sahaja dibuka.
- Jom tunaikan segera zakat harta anda sebelum 31 disember 2020 untuk dapatkan rebat 100% cukai pendapatan.

● Selain daripada itu, zakat melaka ada menyediakan pelbagai perkhidmatan bayaran zakat, antaranya:

- ✓ call & take – "anda call kami datang"
- ✓ bayaran atas talian (fpk) – www.izakat.com
- ✓ perbankan internet
- ✓ perkhidmatan e-bayar kerajaan negeri melaka
- ✓ jom pay
- ✓ agen mata, pos & pegawai syarak

● Apa tunggu lagi tunaikan segera tidak banyak mana pun zakat yang dikeluarkan, hanya 2.5% sahaja zakat yang wajib demi menceriakan hidup asnaf. in shaa Allah.

● Sebarang pembayaran & pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian **1300-88-0233** di zakat melaka atau tinggalkan mesej di talian **what sapp 011-58583885** untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat – (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com



Kaunter Lanjutan Zakat Melaka
IBU PEJABAT & CAWANGAN ZAKAT MELAKA

CAWANGAN	TARIKH	HARI	WAKTU OPERASI
IBU PEJABAT	05/12/2020	SABTU	9.00 PAGI - 3.00 PETANG
	12/12/2020	SABTU	
	13/12/2020	AHAD	
	19/12/2020	SABTU	
	20/12/2020	AHAD	
	25/12/2020	JUMAAT (Hari Kramas)	
	26/12/2020	SABTU	
	27/12/2020	AHAD	

CAWANGAN	TARIKH	HARI	WAKTU OPERASI	
MASJID TANAH	05/12/2020	SABTU	9.00 PAGI - 1.00 PETANG	
	12/12/2020			
	19/12/2020			
	20/12/2020			AHAD
	26/12/2020			SABTU
	27/12/2020			AHAD



PENYAMPAIAN
sumbangan cek oleh
Timbalan Pengerusi
MAIM, Datuk Md Rawi
Mahmud kepada ahli
jawatankuasa Masjid
Al-Ehsan Kariah
Londang yang diwakili
pengurus masjid,
Dato Abd Mutallif Che
Mat baru-baru ini.
Sumbangan berkenaan
memberi ruang kepada
proses baik pulih
yang melibatkan
pembesaran ruang
solat dan pembinaan
bilik pemandian
jenazah di masjid
berkenaan.



SEBAHAGIAN Asnaf saudara muslim hadir pada program kelas fardhu ain dan pengajian al-Quran yang diadakan di Komplek Darul Huda. Program anjuran Balai Islam MAIM itu diadakan pada setiap minggu yang juga memberi inisiatif tambahan kepada saudara muslim di negeri ini untuk memperkuatkan ilmu dan amalan mereka. Penyediaan tenaga pengajar yang bertaualiah serta penyediaan tempat pengajian juga mampu menyemai jiwa cintakan Islam dengan lebih mendalam.



TIMBALAN Pengerusi MAIM,
Datuk Md Rawi Mahmud
bersama Pegawai Agihan
Zakat MAIM daerah Alor
Gajah, Masfazil Ismail
menyantuni dan
menyampaikan bantuan
kepada salah seorang asnaf
di DUN Tanjung Bidara.
Pemantauan dan perhatian
berkala oleh Skuad Agihan
Zakat Melaka (SAZ) MAIM
kepada mereka yang
memerlukan di sekitar
negeri ini akan diperkemas
setiap masa dalam usaha
memastikan mereka
mendapat bantuan
sejawarnya dengan
segera.

**Ke Manakah
Wakaf Anda?**



Jom Berwakaf

Wakaf Tunai Melaka

**Bayaran
Wakaf
Serendah
RM 2.00
Sahaja**



**Kaedah bayaran #1
MELALUI
POTONGAN GAJI
SCERA BULANAN**



**Kaedah bayaran #2
Download
APPS e-WALLET
BOOST**



**Kaedah bayaran #3
Bayar di Kaunter
Wakaf MAIM**



**Kaedah bayaran #4
MELALUI AKAUN BANK
BANK ISLAM (MAIM)
0401 5010 0174 34**



**Pengambilan/Pembelian
Lot Tanah Bagi Tujuan
Keagamaan**



**Pembangunan
Hartanah Wakaf**



Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809



SMART A+

**SOALAN LATIHAN &
TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK : BAHASA MELAYU**

TEKNIK PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU SPM

PENGENALAN

Karangan SPM perlu dikuasai oleh semua pelajar yang mengambil SPM kerana ia merupakan mata pelajaran yang wajib lulus. Oleh hal yang demikian, pelajar perlu banyak membuat latihan supaya dapat menghasilkan sebuah karangan yang mantap. Para pelajar juga mestilah menguasai aspek-aspek penting untuk menghasilkan karangan yang berkualiti yakni berupaya menarik minat pembaca untuk membaca karangan tersebut. Setiap arahan yang diberikan di dalam soalan perlulah dipatuhi, antaranya :

PERKARA	BAHAGIAN A	BAHAGIAN B
MASA YANG DIPERUNTUKKAN	45 minit (200 – 250 patah perkataan)	90 minit (melebihi 350 patah perkataan)
SOALAN	1 soalan berdasarkan bahan rangsangan yang mesti dijawab	5 soalan pilihan dan jawab satu sahaja
BENTUK SOALAN	Gambar, iklan, pelan, jadual, gambar rajah, ilustrasi kartun, carta dan sebagainya.	Pendapat, syarahan, wawancara, perbincangan, peribahasa dan lain-lain.

CIRI-CIRI KARANGAN YANG BAIK :

- ✓ Isi yang ditulis mestilah berkaitan dengan tema dan dihuraikan dengan baik dan jelas.
- ✓ Perenggan mesti kemas dan sesuai serta terkandung isi, huraian, contoh dan penegasan kecil.
- ✓ Perenggan dan isi mesti berkaitan dengan yang sebelumnya.
- ✓ Susunan ayat mesti lengkap dan mudah difahami.
- ✓ Penggunaan bahasa mesti dipelbagaikan.
- ✓ Gunakan **peribahasa, cogan kata atau ungkapan yang menarik**.
- ✓ Gunakan penanda wacana yang sesuai.
- ✓ Isi diolah dengan baik untuk menunjukkan kematangan.
- ✓ Elakkan penggunaan bahasa pasar.
- ✓ Tulisan mesti jelas dan mudah dibaca.

KELEBIHAN MENGGUNAKAN FORMULA

- ✓ Karangan menjadi panjang dan memenuhi arahan soalan.
- ✓ Pelajar tidak membuang masa memikirkan perkara yang hendak ditulis.
- ✓ Hala tuju karangan jelas dan tidak terpesong.
- ✓ Perenggan seimbang dan sekata.
- ✓ Komponen karangan lengkap iaitu terdiri daripada **pendahuluan, perenggan isi yang jelas dan kesimpulan**.

CONTOH SOALAN

Bahagian A
[30 markah]
(Masa dicadangkan : 45 minit)

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada penyakit berjangkit dan cara-cara menangannya. Huraikan pendapat anda tentang **cara-cara menangani masalah penyakit berjangkit**. Panjang huraianya hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

PENYAKIT BERJANGKIT



Mengkuarantinkan orang ramai yang pulang dari luar negara

Mengadakan kempen kesihatan

Penutupan beberapa buah sekolah

PENULISAN PERENGGAN PENDAHULUAN :

- I = Isu
K = Kesan isu
T = Tindakan umum untuk menangani isu
H = Hasil tindakan
H = Hubung kait dengan soalan

Tidak dapat dinafikan bahawa negara Malaysia pernah mengalami penyakit berjangkit yang berbahaya, seperti selesema burung, H1N1 dan terkini Virus Korona (MERS-CoV). Virus penyakit ini telah merebak melalui kedatangan pelancong asing ke Malaysia sehingga memberi kesan terhadap ekonomi negara. Mangsa yang dijangkiti penyakit ini akan mengalami simptom yang jelas seperti demam yang berlarutan dan muntah-muntah. Penyakit ini boleh membawa maut jika tidak dikawal dan diambil langkah pencegahan secara awal. Oleh itu, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah yang drastik bagi mengekang penyakit tersebut daripada terus menular. Sikap sediakan payung sebelum hujan haruslah dijadikan amalan oleh pihak berwajib. Tegasnya, pelbagai cara haruslah dilakukan segera sebelum nasi menjadi bubur bagi menghadapi penyakit ini.

FORMULA PENULISAN PERENGGAN ISI KARANGAN :

- I = Idea M = Mengapakah Ba = Bagaimanakah
K = Kesan U = Ungkapan Menarik P = Penegasan Kecil

Penanda Wacana Isi & Perkembangannya :

Isi pertama:

- o Salah satu langkah yang signifikan ialah ...
- o Salah satu purba yang memangkin kepada masalah ini ialah

Isi yang seterusnya:

- o Selain itu,
- o Jika kita lihat / tinjau / kaji dari sudut / dimensi / perspektif yang berbeza,
- o Seperkara lagi,
- o Pada masa yang sama,
- o Meninjau dari skop yang lebih luas,
- o Dari kaca mata yang lain,
- o Di samping itu,
- o Sementara itu,
- o Lebih-lebih lagi,
- o Seperkara lagi,

Penanda wacana MENGAPA

- o Hal ini dikatakan / berlaku demikian kerana
- o Hal ini berlaku / terjadi kerana
- o Hal ini disebabkan oleh
- o Hal ini wujud akibat daripada
- o Hal ini bersangkut-paut dengan
- o Hal ini berpuncar daripada
- o Hal ini tercusus apabila
- o Hal ini timbul apabila
- o Dalam konteks / hal ini

Penanda wacana CONTOH:

- o Tamsilnya,
- o Bukti nyata,
- o Hal ini dapat kita lihat
- o Misalannya,
- o Contohnya / Sebagai contoh,
- o Misalnya,
- o Biar kita lihat/ Biar kita ambil contoh
- o Bagi membuktikan perkara ini, contoh yang boleh diketengahkan ialah
- o Contoh yang ketara yang paling dekat dengan kita ialah

Penanda wacana KESAN CONTOH

- o Sehubungan dengan itu,
- o Ekoran daripada peristiwa / isu itu,
- o Rentetan daripada hal itu,
- o Lanjutan daripada,
- o Implikasinya / impaknya,
- o Kesannya,
- o Natijahnya,... (kesan negatif sahaja)

Penanda memulakan atau memasukkan PERIBAHASA

- o bak / persis kata peribahasa,
- o bak / persis kata peribahasa Melayu,
- o bak / persis kata orang tua-tua,
- o bak / persis kata mutiara,
- o bak / persis kata peribahasa,
- o bak / persis kata cendekiawan,
- o Hal ini sama dengan peribahasa
- o Senario ini persis dengan peribahasa Melayu, yakni
- o Fenomena ini dikatakan
- o Masalah ini sama dengan peribahasa

Penanda wacana PENEgas:

- o Ringkasnya
- o Tegasnya,
- o Izharlah bahawa
- o Sesungguhnya,
- o Pendek kata,
- o Jadi,
- o Oleh itu,

Perhalusi kaedah penyampaian, jangan pinggir golongan OKU

KETIKA negara kini masih berjuang 'menentang' pandemik COVID-19, golongan Orang Kurang Upaya (OKU) tidak terkecuali menjadi antara yang cukup terkesan.

Bukan sahaja dari aspek kos sara hidup malahan jaringan komunikasi serta kekangan untuk mengakses kepada maklumat khususnya bagi OKU penglihatan dan pendengaran, antara yang perlu diberi perhatian apabila majoriti perkara dan maklumat kini beralih kepada digital atau secara maya.

Persoalan yang timbul, bagaimana mereka yang terlibat berhadapan kesukaran ini termasuk perlu bergantung kepada bantuan orang lain untuk mendepani cabaran dan kesan sampingan lain akibat pandemik?

HAK AKSES MAKLUMAT, PENDIDIKAN

Hak OKU untuk mengetahui sebarang maklumat dan berita terkini termasuk akses kepada pendidikan terutama melibatkan pelajar-pelajar OKU baik di peringkat sekolah maupun institusi pengajian tinggi, antara yang menjadi isu.

Ini kerana kebanyakan 'rungutan' yang timbul bukanlah soal ketiadaan maklumat namun kaedah serta cara penyampaian yang kurang sesuai dan tidak tepat mengakibatkan maklumat gagal sampai kepada golongan OKU yang mempunyai kekangan tertentu.

Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) yang juga Ahli Dewan Negara yang mewakili golongan OKU Senator Ras Adiba Radzi berkata ramai pihak mungkin terlepas pandang isu berkenaan.

"Banyak maklumat yang tidak terima bukan kerana maklumat itu tiada tetapi cara maklumat itu disalurkan. Sebagai contoh OKU pendengaran tidak dapat mengikuti laporan berita yang disiarkan kerana tidak mempunyai bahasa isyarat manakala OKU penglihatan pula tidak dapat menerima mesej yang berbentuk infografik atau poster kerana kebanyakannya sekadar mempunyai gambar rajah dan muzik tanpa suara latar sebagai penerangan kepada maklumat."

"Begini juga dengan aspek pembelajaran secara dalam talian. Ia mestilah boleh diakses oleh pelajar OKU di semua peringkat agar mereka juga dapat mengikuti proses pembelajaran sewajarnya dan tidak tercincir."

"Apabila ada halangan, mesej serta maklumat tidak berjaya sampai kepada golongan sasaran (dalam hal ini OKU), maka ia seolah-olah mendiskriminasi golongan itu," katanya kepada Bernama.

Ras Adiba yang juga merupakan Presiden OKU Sentral, badan bukan kerajaan yang memperjuangkan hak OKU berkata keadaan itu bagaimanapun cuba diperbaiki dari semasa ke semasa apabila stesen televisyen tempatan bahkan di Parlimen juga kini mempunyai khidmat jurubahasa isyarat sejak Ogos lepas.

"Mungkin selepas ini di Bernama pula (penggunaan jurubahasa isyarat)... Kita cuba memberi lebih banyak sokongan kepada komuniti OKU dan dalam masa sama mereka juga turut memberi sokongan balas melalui jumlah tontonan berita, rancangan dan persembahan Bernama yang bersifat lebih mesra OKU," katanya.

BERSIKAP TERBUKA, UBAH PERSEPSI

Masyarakat juga perlu bersikap lebih terbuka sekaligus mengubah persepsi mereka agar

tidak melihat golongan OKU sebagai 'objek kasihan'.

"Ramai golongan OKU yang berjaya dan membuktikan mereka layak untuk memegang jawatan profesional di pelbagai peringkat. Yang membezakan mungkin cara kami bergerak dan bercakap berikutkan kekangan yang dihadapi namun kami juga mempunyai keupayaan dan potensi diri yang tidak boleh dinafikan namun wajar diberi peluang yang sama rata."

"Pendedahan awal mengenai OKU wajar diberikan sejak di peringkat sekolah rendah agar masyarakat lebih cakna akan pelbagai kategori OKU selain tidak memperkecil dan mendiskriminasi mereka," katanya sambil menambah OKU perlu diberi peluang belajar, pekerjaan dan berhak menjalani kehidupan seperti orang lain.

Tambahnya, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 15 peratus daripada populasi sesebuah negara adalah daripada komuniti OKU, dan ini bermakna OKU di negara ini adalah seramai 4.7 juta orang.

"Namun begitu, bilangan OKU berdaftar setakat ini hanyalah sekitar 590,000 orang sahaja.

"Jumlah itu mendorong kami untuk menjalin kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) untuk mengajak lebih ramai OKU mendaftar bagi memperoleh pelbagai manfaat daripada insentif kerajaan untuk jangka masa panjang seperti kemudahan hospital, pendidikan, pengangkutan awam dan pelbagai lagi," katanya.

PERJUANG PELBAGAI ISU

Antara isu yang diperjuangkan Ras Adiba sejak mengangkat sumpah sebagai Senator Dewan Negara pada 20 Mei lepas, adalah intervensi awal untuk OKU agar masyarakat khususnya pihak terlibat dapat membantu dan memberi sokongan kepada mereka.

Selain itu, isu peluang pekerjaan untuk OKU di negara ini termasuklah memperjuangkan Dasar Satu Peratus OKU dalam perkhidmatan awam, penglibatan OKU sebagai Pihak Berkusa Tempatan (PBT) dalam penguatkuasaan undang-undang berkaitan OKU serta pinanan Akta OKU 2008 yang bertujuan memperkasa hak golongan itu di negara ini.

"Isu penguatkuasaan undang-undang kecil bangunan seragam turut dibangkitkan kerana amat penting untuk kita memastikan bangunan yang baru dibina adalah bersifat mesra OKU. Jika tidak sampai bila-bila pun bangunan negara ini tidak mampu menampung keperluan OKU yang 'keluar masuk' ke dalam bangunan lebih-lebih lagi untuk bekerja seperti individu lain."

"Masalah yang kami hadapi seharian ialah infrastruktur yang tidak mesra OKU. Sebagai contoh 'ramp' terlampaui curam, tempat parkir kereta disalahguna oleh orang bukan OKU, tandas yang tidak mesra OKU malah diubah suai menjadi bilik stor. Perkara ini mungkin nampak remeh bagi sesetengah orang namun ia boleh menyumbang kepada masalah yang lebih besar jika tidak ditangani sebaiknya."

"Isu lain yang turut disuarakan ialah penyakit jarang jumpa (rare diseases) yang turut melibatkan komuniti OKU, kesihatan mental dalam kalangan OKU termasuk yang melibatkan penjaga dan ibu bapa OKU berikutan krisis COVID-19 serta kenaikan Elaun Pekerja Cacat (EPC). Alhamdulillah pada Belanjanan 2021



Foto Sumber Internet

baru-baru ini kadar EPC telah dinaikkan dari RM400 kepada RM450. Walaupun saya berharap ia lebih tinggi daripada itu tetapi kita juga perlu fikirkan bantuan yang perlu diberikan kepada orang lain," katanya sambil menambah isu kebajikan atlet paralimpik turut diperjuangkan sementelah beliau juga merupakan atlet para negara.

DASAR BERSIFAT REALISTIK

Berkongsi pandangan, Ketua Pegawai Eksekutif yang juga pengasas bersama Yayasan Orang Buta Malaysia (MFB), Silatul Rahim Dahman berkata kesukaran mengisi permohonan bantuan secara dalam talian membuatkan OKU penglihatan seperti beliau adakalanya rasa tersisih.

Tidak menafikan terdapat pelbagai bantuan yang disediakan, namun kekangan massal penglihatan dan ramai OKU yang kurang mahir menggunakan teknologi mengakibatkan mereka 'terlepas' menerima bantuan.

"Perkara ini diharap dapat diperhalusi agar bantuan atau insentif yang disediakan untuk golongan OKU benar-benar sampai kepada mereka. Jentera pelaksana di peringkat kerajaan dan agensi terlibat perlu lebih peka kekangan yang dihadapi oleh OKU terutama ketika proses memohon insentif yang diperuntukkan untuk golongan itu," katanya.

Silatul Rahim yang mesra dengan panggilan Cikgu Rahim turut berkata, dasar dan insentif sedia ada untuk golongan OKU perlu bersifat realistik dan boleh diterjemah ke dalam bentuk tindakan dan perlaksanaan yang mudah akses oleh OKU bukan semata-mata bersifat teori.

Sebarang polisi untuk OKU haruslah diakuatkuasakan dengan penuh integriti di samping pada masa sama tidak mengeneppikan soal budi bicara yang mungkin perlu dipertimbangkan untuk diguna pakai bersesuaian dengan kategori kekurangan yang dialami oleh OKU.

"Kebajikan dan kemajuan OKU haruslah ditingkatkan berlandaskan hak-hak OKU yang termaktub di dalam Akta OKU 2008 selain Malaysia juga telah meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Hak Orang Kurang Upaya.

"Semua dasar dan program yang dibangunkan untuk OKU haruslah mengambil kira perkara-perkara yang terkandung di dalam

kedua-dua dokumen penting ini kerana ia jelas menyebut perkara yang boleh melindungi hak dan kepentingan OKU dalam semua aspek kehidupan.

"Perjuangan memperkasakan OKU haruslah bersifat hak asasi manusia dan bukannya tertumpu kepada aspek kebajikan semata-mata. Sebagai contoh, isu pendidikan berkualiti, pekerjaan yang bermaruah, tempat tinggal yang selesa, kesihatan yang terjamin dan persekitaran yang selamat adalah isu-isu yang masih membelenggu kebanyakan OKU dan perlu diambil perhatian serius," katanya.

BUKAN KEBAJIKAN TETAPI HAK

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan, Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Dr Ahmad Shamshuri Muhamad berkata soal kebajikan OKU wajar ditukar kepada hak-hak OKU bagi tujuan memperkasa golongan itu.

Tidak menolak bahawa adanya perkembangan dan kemajuan hak-hak golongan OKU di negara ini, namun katanya ia masih bersifat 'perlahan' dan memerlukan penambahbaikan dari segi dendaan atau penalti yang dikenakan kepada mereka yang melanggar hak-hak OKU.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan di Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan Univeristi Malaya (UM) berkata pendekatan secara inklusif dalam pelbagai aspek perlu diberi penekanan agar tiada golongan masyarakat yang tercicit dari sebarang bentuk insentif atau kemudahan yang disediakan kerajaan.

"Pihak bertanggungjawab perlu lebih kerap 'turun padang' dan bertemu pemimpin akar umbi seperti ketua kampung atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dan dekat dengan komuniti OKU bagi memastikan bantuan yang ingin disalurkan sampai ke 'tangan' sepatutnya. Hubungan kerjasama ini penting kerana hanya mereka yang dekat dengan komuniti OKU memahami apa keperluan sebenar mereka," katanya.

Turut menambah hak-hak OKU tidak seharusnya dilihat atas dasar kebajikan ia sebaliknya atas kapasiti mereka juga manusia yang berhak mendapat ruang dan peluang yang sama yang bersifat inklusif, mampu dan kebolehcapaian yang setara dengan masyarakat yang lain. - BERNAMA

Revisiting Melaka as Global History



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican



THE emergence of recent voices calling for decolonizing names and narratives in Malaysia cannot deny the history of colonialism in this part of the world. The story of the coming of Europeans to Melaka and the Malay Archipelago serves as integral to our history.

The shores of Melaka, and that of other ports in the Malay Archipelago, emit a cacophony of sounds from all over the world. Yet, the history of Melaka has not been essentialized in that sense – as integral to the global narrative. The Muslim Sultanate of Melaka signifies a globalized history and civilization. My initial thoughts on this was linked to Panglima Awang.

In a talk titled "Panglima Awang@Enrique de Malacca: Melaka, Globalization and Malay Civilization" given last year in Kuala Lumpur, I suggested for a re-understanding of Melaka's past, and hinted at the use of history for the present and the future. The trigger was Harun Aminurrashid's 1958 historical novel Panglima Awang.

Harun based his story on the persona of Enrique de Malacca, captured by Ferdinand Magellan in Malacca in 1511, and served as interpreter and navigator for the Portuguese in circumnavigating the globe. While the first person to sail around the world will mostly still be disputed for years to come, the story of Panglima Awang, the name given by Harun, is the story of Melaka, and its links with Europe. That train of thought led me to Bahasa Melayu as lingua franca spoken in Melaka and the Malay Archipelago. How else would more than 84 languages and ethnicities be managed in the port city of Melaka?

And the Enlightenment of the Melaka Malay Sultanate must be seen against conditions Europe in the 15th and 16th centuries. There is a lacuna on writings of the history of Melaka being entwined with Europe, and vice versa, even Melaka

history as part of Asian connections.

The history of Europe, hangs on to the history of Melaka — citing historian Tome Pires' famous words: "Whoever is lord of Malacca shall have his hands on the throat of Venice".

The history of Melaka corresponds to that of medieval Europe

ophes) in the 18th century.

The year 1511 is not disconnected to the Treaty of Tordesillas on June 7, 1494. That treaty dragged Melaka into the disputes and rivalries at the far end of Asian landmass that we now call Europe. The fate of Melaka was sealed when the Portuguese broke through the back door into the In-

topher Columbus first sailed across the Atlantic Ocean. Between the Portuguese and the Spaniard, conflicts had to be settled over lands newly "discovered or explored" by Christopher Columbus and by other late 15th century European voyagers.

The treaty signed at the town of Tordesillas in Spain, saw the

the Indian Ocean. The divisions later became known as the doctrine of discovery. It gave Europeans the "legal right" to discover all lands occupied by non-Christian peoples, the "Saracens or pagans", merely by setting foot on it. We see this disguised as a colonial demarcation.

A dispute in the monopoly of cloves in the Maluku islands in about 1510, was later finally resolved by the Treaty of Saragossa on 22 April, 1529, practically determining the anti-meridian corresponding to that of Tordesillas. But that was not the end. The monopoly created by Tordesillas in favour of the Iberian powers was later challenged by France, England, and the Dutch. Redeeming Melaka as European and global history is another challenge.

NEXT WEEK:
The Tanah Air of Ibrahim Yaacob

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

THE year 1511 is not disconnected to the Treaty of Tordesillas on June 7, 1494. That treaty dragged Melaka into the disputes and rivalries at the far end of Asian landmass that we now call Europe. The fate of Melaka was sealed when the Portuguese broke through the back door into the Indian Ocean in 1498 and disrupted the order of civilization of its polities, and maritime regulations which have their genesis centuries earlier.

(to use the Eurocentric periodisation) — especially Portugal and Spain. A phase of Enlightenment in the Tanah Air began much earlier than the European Enlightenment (of the French philos-

dian Ocean in 1498 and disrupted the order of civilization of its polities, and maritime regulations which have their genesis centuries earlier.

The Portuguese monopoly intervened into the littoral societies generated by the harmony in trade, and cultural exchanges from the coast of east Africa to the easternmost corner of the Malay Archipelago. It opened up what Indian historian and Diplomat, K.M. Panikkar dubbed as "the da Gama epoch." And thus began what is aptly titled by Panikkar in his 1953 classic as Asia and Western Dominance.

The Treaty was initially to resolve over what began in 1492 when Chris-

two kingdoms dividing the world into themselves. The world was divided into two equal hemispheres between Portugal and essentially Catalan then - the eastern half would be part of the Portuguese domain, and the western half that of the Spanish. Their vessels could only navigate in their own spheres. The Treaty was arguably narrated as a "diplomatic agreement" about territorial division "that indeed did not raise questions of evangelization."

Hence the rivalry carved out the monopoly over navigation, trade and discovery. It gave the Ferringhi more claims over most of



Buskers perlukan penjelasan

Faiz Hasan

AYER KEROH - Perlesenan yang dikenakan pihak berkuasa tempatan buat penghibur jalanan (buskers) di negeri ini perlu diberikan penjelasan lanjut berhubung pelaksanaan yang akan dikenakan buat golongan itu.

Penyanyi kumpulan Mata Mata Band, Shirajuddin Bolhi, 34, berkata, pelaksanaan terbabit perlu diperluaskan buat semua pemain muzik jalanan seperti agar ramai yang tidak tertanya-tanya perkara tersebut.

Katanya, pihaknya memahami keadaan yang berlaku bagaimanapun pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu tampil bagi bersama menyelami keadaan mereka terutama dalam menghadapi tempoh pasca penularan pandemik COVID-19.

"Difahamkan kami perlu dikenakan pembayaran lesen sebanyak RM150 sebulan untuk mendapatkan tapak demi meraih rezeki yang datang."

"PBT perlu menilai dari aspek lain juga kerana kami hanya perdagangkan bakat yang ada dan bukannya bermula seperti peniaga lain yang menjual barang yang ada."

"Malah perkara ini menjadi tanda tanya buat kami kerana dalam tempoh pandemik ini ada PBT yang tidak mengenakan sebarang tindakan buat peniaga malah menggalakkan mereka untuk bermula demi meraih pendapatan yang terjejas namun keadaan ini terpalit pula kepada kami," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurutnya, dalam keadaan cuaca



KEADAAN cuaca yang tidak menentu ditambah dengan pandemik COVID-19 menyukarkan golongan buskers untuk melakukan persembahan.

yang tidak menentu ditambah keadaan pasca pandemik COVID-19 kesemuanya penghibur jalanan seperti terjejas dengan pendapatan yang diraihnya.

Katanya, dengan pendapatan yang tidak menentu ditambah dengan keadaan terbabit akan merumitkan situasi terbabit.

"Di Melaka bukannya banyak lokasi untuk kami meluahkan bakat yang ada malah kadangkala jika mencari rezeki ada juga orang yang datang sekadar menyaksikan persembahan kami dan tidak memberikan sumbangan pun," katanya.

Shirajuddin berkata, dalam tempoh pasca penularan ini tiada sebarang aktiviti membabitkan penglibatan orang ramai diadakan membuatkan pintu rezeki buatnya begitu terbatas.

"Jika ingin 'busking' kami memerlukan

lokasi mahupun acara yang memerlukan kedatangan orang ramai seperti di 'uptown' dan karnival yang diadakan untuk mencari rezeki. Kalau rezeki hari itu baik, kami akan menerima tawaran peniaga restoran untuk 'bermain' dalam premis mereka sebagai tarikan kepada orang ramai.

"Keadaan yang berlaku hari ini begitu berbeza sebelum pandemik ini melanda dan membuatkan kami sukar untuk mencari sesuap nasi. Malah keadaan sekarang membuatkan rata-rata penghibur jalanan lain terpaksa mencari pekerjaan lain kerana sambutan yang begitu kurang.

"Saya harap pihak kerajaan negeri perlu mengkaji semula pendekatan dan syarat yang dikenakan ini agar kami tidak terus ditimpa dilema ini," katanya.

BETTER beca norma baharu

AYER KEROH - Penyelidik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya membangunkan protaip beca inovatif norma baharu dikenali sebagai BETTER atau Beca Trendy, yang mampu memartabatkan beca sebagai pengangkutan awam bagi menyumbang ke arah pembangunan sektor pelancongan dan kebudayaan negara, dalam keadaan pandemik COVID-19 ini.

Ketua Penyelidik merangkap Timbalan Dekan Penyelidikan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKE), Ir. Dr. Mohd Farriz Basar berkata BETTER adalah hasil peningkatan teknologi ke atas beca konvensional yang telah sekian lama diusahakan secara tradisional.

"Dengan reka bentuk yang moden, unik dan bercirikan norma baharu, pastinya akan dapat menarik semula minat orang ramai untuk menaiki beca."

Berdasarkan kepada keadaan semasa, perkhidmatan roda dua ini tidak lagi mendapat sambutan seperti tahun 60-an hingga 90-an. Masyarakat merasakan perkhidmatan beca ini mahal dan tidak berbaloi. Disamping itu, tidak ramai golongan muda yang berminat untuk menjadikan beca ini sebagai kerjaya.

"Mereka beranggapan kerjaya ini tidak popular, memerlukan dan tiada jaminan untuk masa depan. Justeru, perlu ada usaha yang dinamik bagi menyelamatkan dan merancakkan semula industri beca ini," jelasnya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Jelasnya, inovasi yang dihasilkan tersebut adalah bertujuan bagi membantu pengusaha beca ekoran pandemik COVID-19 yang memberi impak kepada mereka apabila bukan sahaja kehilangan pelanggan malah pendapatan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"BETTER juga bakal membuka peluang pekerjaan serta menarik minat golongan muda untuk terlibat sama memajukan perkhidmatan beca dalam industri pelancongan yang lebih komprehensif," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penyelidik, Zaihasraf Zakaria berkata BETTER bergerak secara hibrid menggunakan gerakan menyangay kaki biasa dan dibantu oleh motor elektrik.

"Pastinya penggunaan motor elektrik ini dapat meringankan beban kerja pengayuh beca terutama yang telah berusia. Menariknya lagi, BETTER yang dilengkapi dengan lampu hadapan, lampu signal dan lampu brek juga mengutamakan keselamatan pengguna jalan raya bagi mencegah kemalangan."

"BETTER adalah beca berteknologi hijau yang mana terdapat



BETTER adalah hasil peningkatan teknologi ke atas beca konvensional yang telah sekian lama diusahakan secara tradisional.

solar panel mudah lentur berkuasa 500 Watt yang diubahsuai dan dijadikan sebagai bumbung beca. Tenaga elektrik yang dihasilkan akan digunakan untuk pencahayaan lampu dan juga untuk mengerakkan motor elektrik. BETTER juga mempunyai tempat duduk yang luas untuk keselesaan penumpang dan bagi memastikan penjarakan sosial tetap dijaga," katanya.

BETTER yang dibangunkan bersama dua orang lagi penyelidik UTeM iaitu Ramli Latip dan Dr. Masjuri Musa@ Othman, telah disenaraikan antara 10 rekaan beca yang terbaik seluruh Malaysia dalam Pertandingan Inovasi Beca anjuran Yayasan Inovasi Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu dan SME Corporation Malaysia.

Kesemua finalis ini akan dipertemukan pada 18 hingga 20 Disember ini di Kuala Terengganu bagi merebut geran pembangunan berjumlah RM200,000 di bawah Program Berimpak Tinggi (HIP-6).

Seludup daging beku, guna sijil halal tidak sah

Jejas kepercayaan pembeli

Farah Suhaidah Othman

PENGKALAN BATU - Tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang 'menghalalkan' daging sejuk beku dengan menyeludup dari luar negara tanpa sijil dan logo halal tidak sah, boleh menjejaskan kepercayaan orang ramai terhadap jualan produk berkenaan di pasaran.

Bagi peniaga daging sejuk di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Mizar Mustafa, 32, berkata, seruan yang berlaku di Johor, semalam sedikit sebanyak memberikan kesan terhadap jualan diusahakannya sejak lebih 15 tahun lalu.

"Memang terkesan kerana kebanyakannya peniaga menggunakan daging sejuk beku sebab kalau hendak gunakan barang tempatan ini harga agak mahal, manakala daging sejuk beku jauh lebih murah."

"Jadi, situasi itu (sindiket tidak bertanggungjawab) memberi kesan kepada kami dari segi untuk mendapatkan kepercayaan pembeli dan menjelaskan jualan," katanya ketika ditemui di pasar berkenaan, baru-baru ini.

Dia yang mewarisi perniagaan keluarga berkata, sebagai pengedar dia sendiri akan turun padang melihat daging sejuk beku yang diambil dari pengedar di Kuala Lumpur adalah asli daripada negara yang dibenarkan mengimport daging halal.

"Contoh sebelum ini apa yang saya dapat, saya akan melihat kotak daging sejuk yang dihantar mempunyai logo halal yang sah."

"Sebelum ini, pernah juga saya dapat kotak berwarna coklat yang hanya bertulis menggunakan pen 'marker', jadi saya pulangkan semula dan minta mereka hantar yang betul-betul 'certified' (sahkan)," katanya.

Berbeza pula pandangan seorang lagi peniaga daging kambing sejuk beku, T. Selvakumar Thangaraja, 45, yang berkongsi pendapat supaya agensi penguatkuasaan termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu memantau perkara itu supaya tidak memberikan kesan kepada jualan peniaga daging sejuk beku.

Katanya pengedar atau peruncit secara kecil-kecilan seperti adalah pihak terakhir menerima daging sejuk beku sebelum dijual jadi agak sukar untuk menentukan ketulenan atau keaslian daging itu sama ia halal atau bersejiring di sebalik logo halal yang tidak sah.

"Kita rasa terkesan juga sebab ramai orang Islam beli dari kita walaupun mereka tahu kita bangsa lain, tapi dia percaya pada kita."

"Jadi, pihak penguatkuasaan kena ambil tindakan daripada sana, pantau syarikat besar di Kuala Lumpur yang hantar ke Melaka dan pembekal-pembekal di pasar borong."

"Bagi saya sendiri saya mengambil pendekatan dengan memastikan pengedar mengemukakan sijil halal setiap kali membuat penghantaran sebulan sekali," katanya.

Bagi Nekmat Sabtu, 68, sebagai pembeli dia lebih gemar membeli daging segar berbanding daging sejuk beku, meskipun ada perbezaan harga.

"Saya lebih suka daging segar kerana, sebagai pembeli kita kadang-kadang tidak tahu ketulenan daging itu sendiri dari segi penyembelihan sama ada ia halal atau tidak untuk orang Islam," katanya.

Sementara itu, Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar ketika dihubungi menegaskan setakat ini pihaknya masih belum menerima sebarang aduan mengenai kerugian daging sejuk beku yang dijual di pasaran negeri ini.

Bagaimanapun katanya, seruan yang dijalankan rakan agensi di Johor Bahru tidak memberi kesan terhadap harga jualan atau permintaan daging sejuk beku di Melaka.

"Dari segi harga daging hari ini memang biasa sahaja tiada kenaikan, jadi untuk Melaka, tiada isu daging kerana kes yang berlaku di Johor Bahru itu tidak memberi kesan kepada negeri lain," katanya.



MIZAR Mustafa

Bukit Batu Lebah rahsia keindahan alam

Farah Suhaidah Othman

KICAUAN pelbagai spesies burung bersiul umpama menerbitkan simfoni irama muzik seakan menyambut kedatangan pengunjung ke Bukit Batu Lebah yang terletak di Hutan Simpan Bukit Senggeh, Jasin.

Ditambah dengan keindahan flora dan fauna serta landskap asli formasi batu berbentuk kapal memberi keistimewaan kepada taman rekreasi itu lokasi wajib dikunjungi sekiranya berkunjung ke Jasin se lain suasana yang tenang dan mendamaikan.

Batu besar yang seakan bentuk kapal itu dikaitkan dengan kapal Hang Tuah yang karam ketika dalam perjalanan rombongan Sultan Mahmud meminang Puteri Gunung Ledang.

Bagaimanapun, ia hanyalah mitos berikutnya tiada kesahihan sumber yang mengatakan taman rekreasi itu sebahagian daripada kawasan perairan.

Meredah hutan berkenaan, pengunjung akan merasai cabaran merentasi empat gua iaitu Gua Kelambu; Gua Reban; Gua Tiga Tingkat dan Gua Batu Senyum.

Setiap laluan ke gua-gua berkenaan mempunyai cerita dan mitos tersendiri, antaranya termasuk lokasi bertapa dan tempat berkumpul bunian bertukar atau meminjam pinggan manguk.

Pada ketinggian kira-kira 700 meter, pengunjung dihidangkan dengan batu pemandangan yang indah sebelum menyelusuri 70 anak tangga sebelum tiba ke puncak pertama.

Berdasarkan cerita orang dahulu kala, anak tangga itu merupakan tempat peninggalan penduduk kampung untuk mengadakan upacara pemujuan ritual padi.


Selain itu, terdapat juga laluan yang boleh dilalui bagi pengunjung yang mahu melihat burung enggang singgah di Hutan Simpan Bukit Senggeh pada musim tertentu.

Laluan itu juga menjadi tempat untuk pengunjung melihat pemandangan matahari terbenam.

Sebagaimana hutan simpan atau taman rekreasi lain, Bukit Batu Lebah juga mempunyai himpunan pelbagai spesies pokok yang jarang ditemui seperti Paperomia Malaccensis.

Penerokaan aktiviti pengunjung di Bukit Batu Lebah pada waktu malam menerusi Nocturnal Walk tidak kurang hebatnya apabila disajikan dengan hidupan rimba serta bunyi unggas yang membela kesunyian malam.

Selain menawarkan pemandu arah yang berpengalaman, hutan simpan itu turut menyediakan lokasi pengirapan dan tapak khemah bagi penunjung yang mahu bermalam di kawasan itu.



ANTARA jaluan gua yang terdapat di Bukit Batu Lebah.

Eko-pelancongan Paya Lebar Fasiliti perlu ditambah baik

Faiz Hasan

AYER LIMAU - Pelbagai penambahbaikan fasiliti perlu dibangunkan bagi memperkasakan sektor industri eko-pelancongan di Kampung Paya Lebar, Masjid Tanah.

Menurut pengusaha sabak arang, Md. Deros Maludin, 77, berkata, pihaknya menyambut baik industri penghasilan kayu arang di sabak miliknya berusia lebih 100 tahun itu dijadikan mercu tarikan pelancongan di kawasan terbabit.

Bagaimanapun katanya, lokasi industri sabak arang yang merupakan tapak lokasi asal mempunyai kesan sejarah hampir ratusan tahun itu perlu diperkasakan secara meluas dengan pelbagai pembangunan fasiliti bagi menarik pelancong.

"Industri yang merupakan antara pengeluar kayu arang tertua dan terbesar di negeri ini perlu diperluaskan sekali



KEADAAN industri sabak arang yang daif memerlukan penambahbaikan menyeluruh bagi menarik pelancong ke lokasi eko-pelancongan terbabit.

gus menjadi tarikan eko-pe lancongan di kawasan ini.'

"Biarpun lokasi ini hanya lah kawasan industri dan seterusnya dijadikan tarikan lain perlu diperluaskan di kawasan eko-pelancongan terbabit malah berharap setiap agensi perlu bekerjasama bagi membangunkan industri

ini," katanya.

Sementara itu, pengusaha Taman Lokan, Zainal Md. Ali, 70 berkata, pelbagai tarikan lain perlu diperluaskan di kawasan eko-pelancongan terbabit dengan pelbagai aktiviti dimanfaatkan pelancong.

berkenaan.

Menurutnya, tarikan termasuk menyediakan paket perkhemahan perlu diperkenalkan di mercu pelancongan terbabit dengan pelbagai ak-

tiviti dimanfaatkan pelancong. "Saya berharap pertimbangan Persatuan Ejen-Ejen

Pelancongan dan Pengembangan (MATTA) dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) untuk membangunkan kolam ternakan lokan dijadikan sebagai tapak perkhemahan buat pelancong.

"Dengan aktiviti perkhemahan kita boleh mendedahkan pelancong berkaitan persediaan 'survival' yang sebenar dengan pelbagai pendekahan aktiviti lain yang menarik di sungai kawasan ini," katanya.

Pada masa sama, Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi Kampung Paya Lebar, Yaaman Yusoff berkata, langkah mempromosi di kawasan terbabit menerusi kerjasama pelbagai agensi penting bagi memajukan kawasan eko-pe lancongan itu.

Katanya, kawasan yang turut menyediakan perkhidmatan 'river cruise' bagi menyelusuri sungai di kawasan terbabit perlu diperkasakan



MD. Deros

dengan pelbagai prasarana yang lain.

Menurutnya, pembangunan pelbagai mercu di kawasan terbabit termasuk sabak arang, jeti serta pelbagai lagi perlu dibangunkan di kawasan terbabit.

"Setakat ini kami masih menunggu peruntukan bagi membangunkan sektor pelancongan di kawasan ini dan diharapkan ia mampu membangunkan prasarana lain termasuk jeti, sabak arang serta pelbagai lagi malah difahamkan peruntukan RM16 juta yang akan disalurkan turut akan membangunkan lokasi lain seperti tarikan sejarah di Kota Simpang," katanya.

Melaka tertinggi kutip e-sisa

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Melaka merekodkan 56,823 kilogram (KG) kutipan sisa pembuangan bahan elektrikal dan elektronik (e-sisa) bermula 12 Oktober sehingga 21 Oktober lalu.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri Rosli Osman berkata, kutipan itu sekali gus menjadikan Melaka negeri tertinggi mengumpul e-sisa berbanding negeri lain.

"Kutipan ini hasil kerja keras dan komitmen guru-guru serta pelajar yang melibatkan sebanyak 61 buah sekolah selain pihak berkuasa tempatan (PBT) yang turut mengambil bahagian.

"Usaha ini menerusi Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu sekolah rendah, sekolah menengah dan PBT," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Apresiasi Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2020 di Menara Persekutuan, baru-baru ini.

Jelasnya, fokus utama HASN untuk mengajak seluruh masyarakat khususnya di Negeri Melaka bersama-sama melestarikan alam sekitar.

"Kita tetapkan tiga mesej utama iaitu pengumpulan e-sisa, kempen hindar

penggunaan plastik sekali guna dan kempen menghijaukan bumi dan menanam pokok.

"Usaha ini mencerminkan bahawa penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama sesuai dengan temanya 'Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama,'" kata-

Katanya, bermula 2021, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) menetapkan setiap hari Sabtu terakhir setiap bulan akan menjadi hari pengumpulan e-sisa.

Pada majlis itu turut diadakan penyampaikan hadiah bagi Pertandingan e-sisa, pertandingan 'waste to art' dan Pertandingan Kuiz Alam Sekitar.



ROSLI menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil Jabatan Pendidikan Negeri Melaka pada majlis tersebut.

Nelayan akur peraturan baharu perahu ungu



ABDUL Rahim (kanan) dan Mohd Ali mengecat warna ungu gentian kaca di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Balak, Masjid Tanah.

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA - Nelayan di negeri ini sanggup mengeluarkan kos sehingga RM400 demi mengecat perahu mereka dengan warna

ungu, asalkan boleh turun ke laut.

Walaupun kos berkenaan agak tinggi, nelayan tidak menyifatkannya sebagai faktor membebani kerana yang lebih utama ialah mereka tidak menghadapi

tindakan undang-undang oleh pegawai penguat kuasa jabatan itu ketika berada di tengah laut jika gagal mematuhiinya.

Mereka menyifatkan peraturan baharu itu bukan masalah besar, terutama bagi nelayan yang baharu memperoleh lesen perahu daripada jabatan itu selepas menunggu lebih 10 tahun untuk mendapatkannya.

Abdul Rahim Azali, 34, berkata dia terpaksa mengeluarkan kos RM300 untuk mendapatkan 10 kilogram cat ungu khusus untuk perahu gentian kacanya yang baharu diberikan lesen perahu minggu lalu.

"Cat itu tidak dijual dalam tin, sebaliknya peniaga bahan binaan menjualnya dengan cara menimbangnya RM30 sekilogram dan saya membeli 10 kilogram untuk memastikan perahu saya dicat ungu."

"Alhamdulillah, minggu lalu saya mendapat lesen perahu dari-

pada Jabatan Perikanan negeri selepas mengemukakan permohonan lebih 10 tahun lalu dan membuat beberapa rayuan," katanya ketika ditemui di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Balak, baru-baru ini.

Dia berkata, cat untuk bahan gentian kaca lebih mudah dan cepat kering berbanding cat biasa tetapi harganya lebih tinggi berbanding cat biasa.

Mohd Ali Abu Bakar, 50, berkata dia juga terpaksa mengeluarkan kos seumpama itu bagi menukar cat perahunya yang sedia ada daripada biru kepada ungu untuk mematuhi peraturan baharu Jabatan Perikanan.

"Tidak mengapa saya terpaksa mengeluarkan kos sebanyak RM300 asalkan dapat turun ke laut mencari rezeki untuk isteri dan anak," katanya.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Mohd Fauzi Solehon dilaporkan berkata, perahu nelayan

berdaftar di seluruh Melaka diwajibkan diwarnakan ungu menjelang 2022 bagi memudahkan langkah penguatkuasaan undang-undang berkaitan operasi nelayan dan sumber perikanan.

Ia dipilih bagi membezakan perahu nelayan di negeri ini dengan negeri lain, selain memudahkan penguatkuasaan undang-undang oleh Jabatan Perikanan negeri.

Nelayan diwajibkan mewarnakan perahu masing-masing dengan warna itu mulai sekarang bagi memastikan warna perahu di seluruh negeri ini mampu diseragamkan menjelang 2022.

Ini kerana setiap negeri mempunyai satu warna yang ditetapkan untuk memudahkan perahu dikenal pasti berasal dari negeri mana, selain memudahkan pihak berkuasa membuat penguatkuasaan dan pemantauan di laut dan dalam usaha memelihara sumber perikanan, katanya.

MICOSTSKILLS pusat latihan kemahiran

AYER KEROH - Bagi melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing sesuai dengan kehendak pasaran kerja, Kolej Antarabangsa Sains dan Teknologi Melaka (MiCoST) menujuhan Pusat Latihan dan Kemahiran MICOSTSKILLS.

Pengurus MICOSTSKILLS Mohd Fuad Sadali berkata, perubahan itu sejak dengan inisiatif dijalankan Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang mewujudkan Pusat Latihan Kemahiran Awam dan Swasta (PLKA/S) sebagai alternatif kepada lepasan sekolah untuk mendapatkan pendidikan kemahiran.

Beliau berkata, antara objektif penubuhan MICOSTSKILLS adalah menyediakan peluang kepada lepasan sekolah yang kurang cemerlang untuk mendapatkan pendidikan

lepasan sekolah yang kurang cemerlang untuk mendapatkan pendidikan berdasarkan kemahiran serta belia yang meminati bidang kemahiran.

"Oleh itu MiCoST mengambil peluang dengan menubuhkan MICOSTSKILLS dan ia telah diluluskan serta ditauliahkan oleh JPK pada 27 Ogos lalu bagi membolehkan kami menawar dan mentadbir program Sijil Kemahiran Malaysia dalam bidang Operasi Sistem Komputer Tahap 3.

"Pengambilan pertama program ini akan dijalankan pada 11 Januari depan dan pelatih terdiri daripada anak Melaka malah mereka ini akan mendapat pembiayaan daripada Tabung Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) sepanjang tempoh pengajian iaitu

12 bulan," katanya.

Mengulas lanjut beliau berkata, MICOSTSKILLS juga dalam perancangan untuk menawarkan program Diploma Pentabiran Sistem Komputer Tahap 4 bagi membolehkan pelajar sijil Tahap 3 menyambung pengajian malah ia juga terbuka kepada semua lepasan Tahap 3 daripada program Operasi Sistem Komputer dari semua institusi.

"Bagi memenuhi permintaan industri, kami juga turut menawarkan kursus jangka pendek iaitu Asas Pemasangan dan Penyelenggaraan Komputer selama lima hari yang mana mereka akan didekahkan secara teori dan praktikal berkaitan komputer peribadi (PC).

"Selain itu mereka turut akan didekahkan dengan pemilihan dan pemasangan perkakasan, konfigurasi



ANTARA objektif penubuhan MICOSTSKILLS adalah menyediakan peluang kepada lepasan sekolah yang kurang cemerlang untuk mendapatkan pendidikan berdasarkan kemahiran serta belia yang meminati bidang kemahiran.

perisian serta asas sistem operasi (OS) selain turut akan dilatih menggunakan peralatan dan perisian yang sesuai untuk penyelenggaraan," katanya.

Mohd Fuad berkata, MI-

COSTSKILLS mempelawa pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang meminati bidang IT untuk menyertai mereka sebagai persiapan mendapatkan pekerjaan.

Kanser Kolorektal semakin menular di Malaysia



DR. SHANKAR GUNARASA



SEPTEMBER lalu, dunia hiburan antarabangsa telah dikejutkan dengan pemergian pelakon utama Black Panther Chadwick Boseman. Beliau telah diagnosis Tahap 3 Kanser usus yang telah meragut nyawanya. Setelah kematianya, kanser usus dan rektum telah mendapat perhatian umum dan pencarian mengenai penyakit ini di laman web Google semakin popular.

APAKAH SEBENARNYA KANSER KOLOREKTAL?

Kanser ini dikenali juga dengan nama kanser kolon atau kanser usus yang menyering bahagian lapisan usus dan rektum (bahagian usus besar yang terlibat dalam pencernaan makanan dan pembuangan bahan kumuh). Ianya bermula dari polip iaitu benjolon di usus atau rektum, adakalanya polip ini bertangkal. Kalau di simpan lama ia akan menjalani mutasi sel. Mutasi sel-sel ini yang digabungkan dengan kegagalan gen untuk membuang sel yang bermutasi akan menyebabkan pembahagian sel yang tidak terkawal. Apabila kanser telah mula membesar sejak beberapa tahun, ia bukan sahaja dapat mengambil ruang organ-organ yang lain, tetapi menembusi juga saluran darah yang menyebabkan kanser ini merebak.

APAKAH STATUS KANSER KOLOREKTAL DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA?

Menurut laporan Registri Kanser Kebangsaan Malaysia (MNCR) 2012-2016, secara keseluruhan, kanser kolorektal merupakan kanser yang kedua paling kerap berlaku (13.5%) di Malaysia, selepas kanser payudara (19%). Dari segi jantina pula, kanser kolorektal merupakan kanser yang paling kerap berlaku dalam kalangan lelaki (16.9%) dan kanser kedua paling kerap berlaku dalam kalangan wanita (10.7%). Scenario ini lebih memudaratkan rawatan bila lebih 70% kanser kolorektal dikesan berada pada tahap 3 serta 4 iaitu masing-masing 72.4% dalam kalangan lelaki dan 73.1% dalam kalangan wanita.

BAGAIMANA PULA DI MELAKA?

Berdasarkan statistic kanser di Melaka pada tahun 2012, kanser kolorektal adalah kedua terbesar di kalangan lelaki dan kedua terbesar di kalangan wanita selepas kanser paru-paru dan kanser payudara, pada kadar 16.5% dan 13.6% dari semua jenis kanser yang telah di diagnosis di Melaka dari tahun 2007 hingga 2011. Masalah kanser kolorektal di Malaysia juga telah membebankan negara dari segi ekonomi. Hasil kajian yang di buat pada 2012, beban kos merawat kes

kanser kolorektal yang baru telah mencapai hampir RM 108 million. Ini tidak termasuk kos tambahan bagi sesetengah kes kanser kolorektal tahap 4 yang memerlukan rawatan tersasar monoclonal antibodies / terapi biologi seperti cetuzimab dan bevacizumab yang memerlukan kos tambahan sebanyak RM 20 000 – RM 40 000. Rawatan yang awal dapat mengurangkan kos dan juga beban tanggungan kerajaan.

Dogma kanser kolorektal yang hanya berlaku pada golongan yang berusia atau tua tidak tepat sama sekali. Dengan golongan muda yang gemar memakan makanan "fast food", makanan yang kurang serat, cara hidup yang sentiasa sibuk dan keutamaan bersenam di abaikan, kanser kolorektal semakin menular pada usia yang lebih muda. Berdasarkan statistic Kanser Registi Malaysia, dari tahun 2003-2005, hampir 14.6% kanser kolorektal di hidapi oleh golongan usia kurang daripada 50 tahun dan 7% pula dari golongan usia kurang daripada 40 tahun.


Kajian juga menunjukkan kaum Cina di Malaysia lebih cenderung menghidapi kanser kolorektal berbanding dengan kaum Melayu dan India. Nisbah pecahan inciden kanser kolorektal tahunan per 100 000 penduduk untuk kaum Cina adalah 28.3, manakala kaum India 14.3 dan kaum Melayu 11. Pecahan nisbah ini juga dapat di lihat bagi ketiga-tiga kaum ini di Singapura iaitu 34.1, 16.1 dan 26.1 masing-masing.

Selain faktor usia dan ethnic, antara faktor lain yang boleh menjadi punca masalah kanser kolorektal adalah pertalian darah atau genetik yang mempunyai polip kolorektal atau kanser kolorektal dan sindrom genetik yang berkaitan dengan kanser seperti 'familial adenomatous polyposis (FAP)' atau 'hereditary non-polyposis colorectal cancer'. Selain itu, penyakit radang usus seperti 'ulcerative colitis' dan 'Crohn's disease' boleh dalam jangka masa yang panjang melaraskan kanser kolorektal.

Di samping itu mengenali tanda-tanda awal seperti pembuangan najis berdarah, tidak rasa kepuasan selepas pembuangan najis, sering sembilit atau cirir birit lebih dari dua minggu, hilang berat badan secara mendadak, sakit perut yang berpanjangan adalah amat penting. Sekiranya anda mempunyai tanda-tanda ini, anda perlu menjalani ujian saringan. Antara ujian saringan yang dimaksudkan adalah sigmoidoskopi atau kolonoskopi. Kaedah ini dilakukan dengan menggunakan tiub flexible berhujungkan kamera dan dimasukkan di hujung dubur untuk melihat polip atau ketulan di usus. Sekiranya polip dijumpai, polypectomy akan dilakukan.

Punca masalah kanser kolorektal

Pertalian darah atau genetik yang mempunyai polip kolorektal atau kanser kolorektal dan sindrom genetik yang berkaitan dengan kanser seperti 'familial adenomatous polyposis (FAP)' atau 'hereditary non-polyposis colorectal cancer'.



kan dan proses ini sangat mustahak. Kajian telah menunjukkan polypectomy dapat mengurangkan risiko kanser kolorektal hampir sebanyak 63% - 90%. Oleh itu, ujian saringan dengan kolonoskopi atau sigmoidoskopi sangat mustahak untuk mengesan gejala ini dari peringkat awal lagi.

Kaedah rawatan kanser kolorektum termasuk pembedahan (secara konvensional atau laparoskopik), kemoterapi, radioterapi dan rawatan sasaran seperti monoclonal antibody / terapi biologi. Pembedaan adalah rawatan utama dalam kanser kolorektal.


Bergantung kepada peringkat kanser yang dialami, sesetengah pesakit mungkin memerlukan kemoterapi selepas pembedahan untuk mengurangkan risiko kanser berulang lagi. Berlainan pula untuk kanser rektum, sesetengah

pesakit mungkin memerlukan radiokemoterapi untuk mengacak tumor sebelum pembedahan dilakukan.. Malah sesetengah pesakit tahap 4 kanser perlu juga dilakukan stoma terlebih dahulu sebelum menjalani kemoradioterapi .

BAGAIMANAKAH KANSER KOLOREKTAL DAPAT DI ELAKKAN?

Satu soalan yang sering saya terima daripada pesakit. Amalkanlah pengurusan diri yang baik dengan banyak minuman air, memakan makanan seimbang dan kurangkan dari memakan makanan yang boleh menyebabkan gangguan pada usus besar anda (makanan pedas atau berempah, keras dan alkohol). Aktiviti bersenam dapat mengurangkan masalah obesiti , yang antara faktor yang dikaitkan kepada kanser kolorektal. Hindarkan merokok dan minuman berarak. Sekiranya ada di antara pertalian darah terdekat menghidapai kanser, anda juga perlu menjalankan ujian saringan yang lebih awal .

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut tentang kanser kolorektal atau perlu menjalani ujian saringan , anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopik dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.



Pekebun kecil dapat manfaat daripada peningkatan harga MSM

KUALA LUMPUR - Pekebun kecil terutamanya mereka yang telah mendapat latihan pertanian yang baik akan memperoleh manfaat daripada lonjakan harga minyak sawit mentah (MSM) yang dijangka terus meningkat berikutan permintaan yang tinggi pada masa ini.

Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Datuk Ahmad Jazlan Yaakub berkata harga minyak sawit mentah telah melambung ke paras tertinggi dalam tempoh lapan tahun iaitu pada RM3,501.50 setan metrik.

"Kami menjangkakan harga ini akan kekal stabil pada paras RM3,400 setan metrik," katanya ketika menjadi tetamu

jemputan di Ruang Bicara Bernama TV yang bertajuk "Industri Sawit : Rahmat Buat Rakyat dan Negara".

Beliau menjelaskan trend peningkatan ini adalah kerana tahap kestabilan stok serta peralihan permintaan yang kian bertambah berikutan kekurangan sumber minyak lain disebabkan perubahan cuaca La Nina.

Sementara itu, Ahmad Jazlan berkata meskipun dunia dilanda COVID-19 yang sekali gus mengakibatkan penguncutan ekonomi, sektor sawit negara kekal utuh didorong oleh permintaan yang stabil.

"Walaupun mendapat tenterangan daripada Kesatuan Eropah, mereka merupakan

pengimport minyak sawit ketiga terbesar selepas China dan India.

"Kami sedang berusaha untuk memperbetulkan persepsi negatif mereka terhadap industri sawit tempatan dengan memperkenalkan pensijilan mampar dan pada masa sama mencari pasaran baharu untuk diterokai," katanya.

Ahmad Jazlan menambah industri sawit memainkan peranan penting dalam memantapkan ekonomi negara, menyumbangkan sekitar RM67.55 billion dari segi aliran masuk tunai ke negara ini.

"Industri sawit juga telah menyumbang 6.57 peratus kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK)," katanya.

- BERNAMA



Rezeki tidak disangka

Saliawati Salberi

PERCUBAAN yang tidak disangka dengan membuat sebiji kek akhirnya membawa tuah buat ibu kepada tiga anak ini apabila dia kini mampu meraih pendapatan sendiri dengan jualan 'Marble Jelita' dibuatnya.

Bagi Nooraini Ibrahim, 32, berkata, semuanya bermula apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada Mac lalu dia yang sekadar ingin mencuba selepas 'terkurung dirumah' kemudian teruja apabila kek dibuatnya menjadi dan menepati citarasa.

Menceritakan permulaan dia terbabit dengan perniagaan kecil kecilan membuat kek Marble Jelita itu, Nooraini berkata, dia tidak mempunyai sebarang kemahiran tentang membuat kek cuba pelajari dari laman sosial serta YouTube sebelum mencubanya sendiri.

"Walaupun tidak berapa yakin pada mulanya, saya kemudian cuba membuat hanya sebiji kek dan Alhamdulillah ianya menjadi. Memang tidak percaya percubaan pertama membahukan hasil diluar jangkaan."

"Saya kemudian memberikan kepada jiran terdekat untuk merasainya dan tidak sangka beberapa hari kemudian jiran membuat tempahan. Daripada situalah bermulanya perjalanan saya sebagai pembuat dan penjual kek," katanya ketika ditemui

mai dirumahnya di Tanjung Minyak Perdana.

Menurutnya, dia bersyukur apabila minat dan kerjaya bahaninya itu mendapat sokongan daripada suaminya yang turut sama membantu jika dia menerima tempahan dalam kuantiti yang banyak.

"Selain tempahan untuk makan harian, saya juga terima untuk majlis seperti cenderahati perkahwinan dan ini sedikit mencabar kerana perlu dilakukan dengan penuh kesabaran apabila kek dibuat dalam saiz mini."

"Bagi menjamin kualiti kek, kuantiti tempahan diambil dalam skala sederhana tidak terlalu banyak dalam satu masa kerana kepuasan pelanggan keutamaan," katanya yang turut menerima tempahan beberapa jenis kek lain termasuk kek pisang.

Ujarnya, dia tidak menyangka percubaannya itu kini mampu membantunya mendapat pendapatan sendiri yang mampu mencecah empat angka sebulan.

"Walaupun pendapatan diterima tidak tetap ada turun naik tetapi ianya memberi kepuasan selain apa yang penting anak-anak ada didepan mata."

"Harga kek yang dijual diantara RM15 hingga RM30 dan selain tempahan dari dalam Melaka saya juga menerima tempahan dari luar antaranya Terengganu," katanya.



NOORAINI menyediakan kek tempahan.



KENYATAAN SEBUTHARGA CADANGAN KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGHANTAR PERABOT DAN KELENGKAPAN PEJABAT DI BANGUNAN PEJABAT DUA TINGKAT DI LOT NO.40,40-1,42,42-1,44,44-1,46, 46-1,48,48-1, JALAN BUKIT KATIL DAMAI 27, TAMAN BUKIT KATIL DAMAI 2, BUKIT KATIL MELAKA.

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat yang beralamat di dalam Negeri Melaka dan dikenalpasti berpengalaman dalam bidang kerja yang ditawarkan serta berdaftar dengan:

Kementerian Kewangan Malaysia di dalam bidang :

020101 Perabot, Peralatan Pejabat, Hiasan Dalaman Dan Domestik > Perabot, Kelengkapan Dan Aksesori > Perabot, Perabot Makmal dan Kelengkapan Berasaskan Kayu/Rotan/Fabrik/Logam/Plastik (Workstations)
2. Dokumen sebutharga yang berharga RM 50.00 senaskah (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Ringgit Sahaja). Dokumen sebutharga boleh didapati di pejabat PERTAM dan hendaklah dibuka / didokumentasikan.
3. Tarikh Lawatan Tapak : 9hb Disember 2020 (Rabu) jam 9.30 pagi Tempat Lawatan Tapak : Bangunan Pejabat Dua Tingkat Di Lot No.40, 40-1,42,42-1,44,44-1,46,46-1,48,48-1, Jalan Bukit Katil Damai 27, Taman Bukit Katil Damai 2, Bukit Katil Melaka.
4. Dokumen tawaran akan dikeluarkan kepada wakil – wakil syarikat yang sah sahaja.Untuk maksud ini wakil – wakil syarikat hendaklah menyerahkan satu salinan sijil pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia kepada PERTAM.
5. Tawaran ini akan ditutup pada 18 Disember 2020, jam 12.00 tengahari.
6. Penyebutharga diwajibkan menghantar profil syarikat yang lengkap termasuk periyata kewangan bagi tempoh tiga (3) bulan terkini, dilampirkan bersama dokumen sebutharga yang telah lengkap.
7. Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis dengan tajuk dan nombor sebutharga berkenaan di atas sebelah kiri sampul surat dan hendaklah dihantar supaya sampai ke dalam Peti Sebutharga Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka, Tingkat 8, Wisma Amanah, Jalan BBP 2, Taman Batu Berendam Putra, Batu Berendam, 75350, Melaka.
8. Pihak PERTAM tidak terikat untuk menerima mana – mana sebutharga.

Sekian dimaklumkan
Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM)

MUSA kekalkan Zainal

Foto Sumber MUSA

TEKA-teki mengenai status Ketua Jurulatih Melaka United terjawab apabila Zainal Abidin Hassan sekali lagi diberi kepercayaan menge-mudi kelab berkenaan buat tiga musim berturut-turut.

Perkara itu diumumkan Timbalan Presiden Bolase-pak Melaka United (MUSA), Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi pada sidang media di Stadium Hang Jebat pada 4 Disember lepas.

Mohd Yusoff berkata, keputusan melantik semula Zainal Abidin dibuat selepas mendapat mendapat per-setujuan barisan ahli lembaga pengarah yang mahu mene-ruskan khidmat jurulatih dari Pahang itu.

Katanya, meskipun pa-sukan itu agak ketinggalan dalam kedudukan tercorot Liga Super musim la-lu, namun pihaknya yakin kredibiliti Zainal Abidin un-tuk membawa pasukan ke kedudukan yang lebih baik," katanya.

"Walaupun kita melihat beberapa keputusan atau ke-dudukan Melaka agak jauh ke belakang tetapi kita masih lagi percaya dengan kemampuan Zainal utk memba-wa Melaka dan meletakkan Melaka ke landasan lebih baik," katanya.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata, pelantikan semula dirinya untuk mengemudi Sang Kancil disifatkan sebagai peluang keemasan yang perlu dimanfaatkan apa-tah lagi ia merupakan peluang ketiga.

"Walaupun dengan beberapa syarat (ditetapkan) dan beberapa perkara yang perlu dilalui, saya menyahut cabaran ini dan percaya ia boleh diperbaiki."

"Dengan kepercayaan diberi, saya akan buat lebih baik dari sebelum ini dan pa-sukan Melaka United harus berkorban serta bekerjasama untuk kebaikan pada musim 2021," katanya.

Ketika ditanya peran-cangan mengenai barisan pemain yang bakal diumumkan

mewakili pasukan pada musim hadapan, dia mengaku berdepan cabaran dalam memilih barisan pemain mengikut bajet kewangan sedia ada.

Bagaimanapun ujarnya, beliau akan mengadakan perbincangan bersama pihak pengurusan berikutnya ada beberapa pemain yang ter-paksa digugurkan dan ada juga yang dikenakan.

"Apa yang penting dalam bajet kali ini akan membentuk pasukan yang lebih baik dan InsyaAllah



MOHD Yusoff

kita akan cuba memperbaiki dan melakukan beberapa pe-rubahan," katanya.

Hoki wanita Melaka sedia hadapi aksi persahabatan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SKUAD hoki wanita Melaka meneruskan sesi latihan seperti biasa, meskipun ber-depan situasi sukar tanpa sebarang ke-johanan dalam masa terdekat.

Pengurus hoki wanita Melaka Adila Fazleen Che Manan berkata, persediaan itu dilakukan memandangkan pihak ber-cadang mengadakan perlawanan persahabatan sekiranya, situasi COVID-19 dalam negara terkawal sedikit masa lagi.

Katanya, latihan yang diadakan itu juga penting untuk mengekalkan momen-tum pasukan.

"Buat masa ini kita masih berlatih se-perti biasa di bawah pemantauan jurula-tih. Ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) tempoh hari juga kami masih mengadakan latihan, namun se-cara maya sahaja.

"Kita yakin sekiranya situasi makin

terkawal nanti, kita boleh mengadakan perlawanan empat penjuru dan menjem-put negeri atau pasukan lain untuk men-gadakan perlawanan persahabatan.

"Untuk kejohanan sebenar, kita ber-gantung kepada pengumuman semasa daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS)," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Mengulas mengenai pembatalan SUKMA yang sepatutnya diadakan tahun depan, Adila berkata, pihaknya akur den-gan keputusan tersebut dan memandang-nya dari sudut yang lebih positif.

Jelasnya, pemain sama sekali tidak kecewa, sebaliknya berjanji untuk lebih bersedia untuk menghadapi temasya itu yang akan diadakan pada 2022.

"Kami mempunyai masa yang pan-jang iaitu dua tahun lagi untuk membuat persediaan untuk edisi akan datang," ujarnya.



AKSI skuad hoki wanita Melaka di Piala Razak, baru-baru ini. Foto Sumber Konfederasi Hoki Malaysia

ZAINAL diberi kepercayaan mengemudi Melaka United buat tiga musim berturut-turut.



MEA mahu julang Esport di bumi Hang Tuah



SEBUT sahaja Counter Strike, DOTA 2, PUBG, Mo-bile Legends, League of Legends: Wild Rift!, pasti ia menjadi sebutan setiap penggemar, peminat atau pemain sukan elektronik (Esport) seantero dunia, malah turut mendapat perhatian di Melaka dan Ma-laysia amnya.

Malah, dunia Esport ki-ni semakin berkembang pesat dan disebabkan itu Persatuan Sukan Elektronik Negeri Melaka (MEA) men-gorak langkah untuk me-martabatkan Esport di Melaka sehingga ke pering-kat lebih tinggi.

Presidennya, Muham-mad Hamka Mohd Ali ber-kata, sudah tiba masanya untuk pembangunan Esport di Melaka digerakkan dan disebabkan itu MEA ditu-buhkan dalam memastikan segala gerak usaha pemban-



MUHAMMAD Hamka

gunan tersebut dapat diter-jemahkan bersama kerajaan negeri.

"Kalau kita lihat, dunia Esport ini berkembang se-tiap masa dan kita tidak bo-leh menafikan bahawa selain mengkaji 'gameplay' permainan, Esport juga bo-leh menjana pendapatan.

"Secara tidak langsung, Esport itu sendiri berpoten-

si menjadi antara penyumbang kepada ekonomi ne-geri dan negara secara keseluruhannya," katanya.

Jelasnya, MEA sendiri telah mengenal pasti tiga titik fokus utama dalam me-mastikan pembangunan Es-port di Melaka berjalan dengan lancar.

"Bagi mencapai tujuan ini, MEA telah mengenal pasti tiga titik fokus utama yang kami gambarkan se-bagai tonggak fokus kami iaitu pembangunan bakat, pembangunan ekosistem sukan elektronik dan pelaksanaan urusan tadbir sukan elek-tronik yg baik."

"Dengan mengem-bangkan ketiga-tiga tonggak ini, MEA bertujuan untuk menjadi pemimpin dalam kancan sukan elektronik di peringkat kebangsaan dan global akan datang," kata-nya.

ZAINAL KEKAL

“ Walaupun dengan beberapa syarat (ditetapkan) dan beberapa perkara yang perlu dilalui, saya menyahut cabaran ini dan percaya ia boleh diperbaiki. ”

TEKA-teka siapa yang akan menjadi Ketua Jurulatih Melaka United akhirnya terjawab apabila Timbalan Presiden MUSA, Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi mengumumkan Zainal Abidin Hassan kekal menerajui skuad Hang Tuah.

Berita penuh muka 23



MS 23 → **HOKI WANITA MELAKA MAHU KEKAL MOMENTUM**



**MISI MEA LONJAK
ESPORT MELAKA**

MS 23